



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 6

RABU 10HB FEBRUARI, 1982.

رابع الاخير 15 رابو 1402

PERCHUMA



YANG Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin bersabda sa-belum merasmikan Bengkel Latehan Kepimpinan Belia pada hari Ahad lepas.

Peserta2 Bengkel Latehan Kepimpinan Belia di-seru :

SALORKAN FAEDAH2 YANG BERGUNA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia2 dan beliawanis2 yang mengikuti Bengkel Latehan Kepimpinan Belia di-harap akan dapat memperkembangkan, menyalor dan meresapkan segala faedah2 yang berguna yang mereka peroleh semasa kursus tersebut.

Dengan langkah pimpinan sa-demikian sahaja Insha Allah, belia2 dan beliawanis2 kita akan dapat bergerak dengan lebih giat dan maju lagi bagi menghadapi perkembangan dan pembangunan negara kita.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Speaker Dewan Majlis Mashuarat Negeri berharap demikian ketika bersabda merasmikan Bengkel Latehan Kepimpinan bagi pemimpin2 dan pekerja2 belia yang telah di-langsungkan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Ahad lepas.

“Kerana saya percaya dengan langkah belia2 yang jujur dan dengan semangat yang berkobar2 akan dapat memimpin belia2 dan beliawanis2 di-negeri ini ka-arrah yang lebih maju dalam menghadapi pembangunan negara kita yang semakin sa-hari sa-makin bertambah2,” sabda Yang Amat Mulia.

SIKAP TERAGONG

Yang Amat Mulia itu penuh yakin yang belia2 dan beliawanis2 di-negeri ini tidak kurang jauh tingginya nilai-nya mempunyai pemikiran dan sikap yang teragong jika di-bandingkan dengan belia2 dan beliawanis2 di-negara2 yang sudah maju.

“Jadi kita beruntung mempunyai kursus yang di-anjorkan bersama oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan beserta dengan pertubohan yang besar iaitu United Nations walau

Lihat muka 20



... Mereka mesti chekap dan tegas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan menegaskan bahawa peranan pemimpin2 dan pekerja2 belia bukanlah sa-mesti-nya mempunyai pengetahuan yang penuh, akan tetapi yang penting mereka mesti chekap dan tegas dalam menjalankan tanggung-jawab.

Menurut-nya, pemimpin2 dan pekerja2 belia itu juga mesti mempunyai minat, sensitif dan berpengalaman dalam segi keugamaan serta mahir dalam kerja2 belia ia-itu menggunakan kemahiran untuk kebaikan dan kemajuan diri sendiri dan juga kepada masyarakat.

PUNYA IDEA

Untuk menjadi pemimpin2 belia yang berkesan, tambah Yang Berhormat itu lagi, mereka mesti-lah juga mempunyai idea2 dan idelogi2 yang tertentu dan juga bersedia memindahkan pengetahuan, kemahiran mereka dengan chara yang efektif kepada orang2 sedia ada di-keliling kawasan mereka.

Menegaskan demikian ketika berucap di-majlis pembukaan rasmi Bengkel Latehan Kepimpinan bagi pemimpin2 dan pekerja2 belia yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini, Yang Berhormat Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan itu sa-lanjut-nya berkata, pada waktu yang

sama para pemimpin2 dan pekerja2 belia mesti-lah belajar dengan menyesuaikan diri masing2 dengan masyarakat sa-tempat di-negeri ini.

HUBONGAN ERAT

“Ada-lah perlu untuk pemimpin2 mempunyai pendidikan, pengetahuan dan kemahiran yang tertentu dan mesti-lah mendampingi khas-nya orang ramai yang mana pemimpin2 ada-lah sa-bagai perantara bagi orang ramai untuk menuju perhubungan yang erat dan membimbing kemajuan dan perkembangan negeri ini dalam bermasyarakat,” tegas-nya.

“Pemimpin2 mesti-lah ikhlas, jujur, amanah dan efficient dan juga bersifat simpati dan yang lebih

Lihat muka 20

Pesta Sokan Merdeka : Badan2 Sokan di-kerah bertindak segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berhubung dengan Pesta Sokan Merdeka, semua badan2 sokan di-negeri ini di-kerah supaya menghadapkan projek masing2 seberapa segera yang boleh, tetapi tidak lewat tiga minggu dari sekarang.

Dalam perjumpaan khas dengan ahli2 dari badan2 sokan sa-negeri, Yang Ber-

hormat Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menegaskan bahawa kesegeraan itu amat di-perlukan memandang kepada matalamat masa yang semakin sun-tok.

Kata-nya, sejak perjumpaan Julai tahun lalu, seluruh badan2 sokan yang

PASOKAN ISTANA REBUT PIALA PRESIDEN

JERUDONG PARK. — Pasokan Istana yang diketuai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berjaya menggondol Piala Presiden di-Kejohanan Polo Antarabangsa kali yang kelima dalam bahagian Low Goal yang telah di-langsungkan di-Padang Polo Jerudong pada minggu lalu.

Pasokan Baginda dalam kejohanan itu telah berjaya menumpaskan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dalam perengkat akhir

dengan jaringan 10 gol berbalas lima gol.

Turut menggotai pasokan Baginda Yang Dipertuan itu ia-lah adinda2 Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

KEMENANGAN

Gol2 kemenangan bagi Pasokan Baginda Yang Dipertuan itu di-jaringan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (1 gol), YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir (3 gol), YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong (4 gol) dan dua gol lagi di-jaringan oleh Alcides Campusano.

Terdahulu sa-belum perlawanan akhir itu di-adakan, Pasokan Kelab Polo Diraja Johor yang di-ketuai oleh Duli Yang Amat Mulia Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim Ismail, telah berjaya menumpaskan Pasokan Jerudong Park dengan jaringan sembilan gol berbalas 2½ gol bagi merebut Piala Berakas.

Pasokan Pulis Diraja Brunei menumpaskan Pasokan Kelab Polo Selangor bagi merebut Tropi Jerudong Park dengan jaringan lima gol berbalas tiga gol. Sementara Pasokan Kelab Polo Singapura berjaya merebut Piala Wooden Spoon setelah berjaya menumpaskan Pasokan Kelab Polo Diraja Terengganu dengan jaringan enam gol berbalas 2½ gol.

DULI Yang Maha Mulia Almutawallah Sultan Iskandar Al-Haj, Sultan Johor telah berangkat pulang pada hari Isnin sa-telah berada di-sini sa-lama lima hari. Duli Yang Maha Mulia berangkat tiba pada hari Rabu lalu untuk menyaksikan perlawanan Polo Antarabangsa kali kelima. Pasokan Kelab Polo Diraja Johor ada-lah diantara pasokan luar negeri yang mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Sa-masa berada di-sini Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor itu telah berangkat ka-Istana Darul Hana untuk menemui Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kerabat Diraja termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin. Gambar atas kelihatan Baginda berdua ketika bersalaman.

Pada hari Ahad, Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menerima mengadap kira2 200 orang rayat Malaysia di-Brunei di-sebuah hotel di-ibu negeri. Majlis tersebut diikuti dengan jamuan santap tengah hari.

Turut berangkat pulang pada hari itu ia-lah Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim Ismail yang mengetuai pasokan Kelab Polo Diraja Johor dan Yang Dipertuan Muda Trengganu Tengku Mizan Zainal Abidin ibni Sultan Mahmud yang mengetuai pasokan Polo Diraja Trengganu.

Manis-nya Iman

“APA yang sedikit dan chukop lebih baik dari apa yang banyak dan melalaikan.” — HADITH Nabi riwayat Abu Ya'ala dan Al-Askari.

Lihat muka 20



10HB FEBRUARI, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

MBB DAN GABONGAN-NYA: Pergerakan Akar Umbi

Perhatian Kerajaan kepada belia2 memang telah diketahui dengan sejas2-nya.

Ucapan YAB Pmk. Menteri Besar ketika merasmikan Kongres Agung Majlis Belia2 minggu lepas bukan sahaja telah membutirkan perhatian Kerajaan itu dalam berbagai2 bentuk-nya bahkan ia mengandungi dua perkara penting. Pertama ia-lah berhubung dengan MBB dan persatuan2 gabungan-nya sa-bagai pertubuhan akar umbi (grass root organisation) yang telah mendapat kepercayaan serta telah 'menawarkan' pimpinan yang efektif kepada raayat negeri ini. Kedua ia-lah MBB dan persatuan2 gabungan-nya telah memberikan perhatian kepada masalah belia2 lepasan pusat2 latihan teknikal dan pertukangan untuk mereka itu dapat membentok diri dan imej sa-bagai pengusaha2 tempatan yang berjaya.

Perkara pertama itu tentu menarik hati untuk kajian orang2 yang berminat dalam hal ehwal sosio-politik dan sosio-budaya kita. Perkembangan dan pembangunan pesat negeri ini terutama dalam jangka waktu dua dekad terakhir ada-lah sa-bahagian besar-nya di-mungkinkan oleh ada-nya suasana yang mantap dan harmoni di-mana raayat dan Kerajaan saling berpautan. Hal itu seperti tidak akan di-yakini dapat berlangsung oleh sa-tengah2 orang bila pergerakan belia/kebajikan dalam tempoh tersebut dengan tidak di-sedari telah 'menawarkan' suatu pimpinan yang berkesan di-peringkat akar umbi dan menjadi sa-bagai sa-bahagian daripada penghubung antara raayat dengan Kerajaan serta bertindak tidak sa-bagai 'pressure group' tetapi sa-bagai pengesan kepada kehendak2 di-peringkat akar umbi itu dan berusaha memenuhi-nya bersama dengan keupayaan Kerajaan.

Dengan kedudukan sedemikian itu maka perkara kedua dari ucapan Yang Amat Berhormat itu tentu tidak akan mengejutkan MBB dan gabungan2-nya. Sebab jika selama ini ia dapat mengesan kehendak2 yang berbangkit di-peringkat akar umbi dan berusaha bersama dengan keupayaan Kerajaan bagi memenuhi-nya maka pasti-lah seruan supaya ia memberi perhatian kepada belia2 lepasan pusat2 latihan teknikal yang ada pada masa ini akan di-sambut baik. Kedudukan perkara ini hampir serupa dengan kedudukan lain2 masalah yang pernah berbangkit di-satu2 kawasan penduduk di-mana badan2 atau persatuan2 berkenaan di-kawasan2 itu berjaya menghuraikan-nya bersama2 dengan keupayaan yang ada pada Kerajaan seperti mengadakan kelas dewasa, balai ibadat dan bahkan mengadakan sekolah mithal-nya. Pada masa ini Kerajaan mempunyai skim kemudahan pinjaman kewangan bagi peniaga2. Maka tentu-lah dengan skim itu belia2 lepasan pusat2 latihan teknikal itu berkemungkinan besar untuk di-bentok — dengan inisiatif dan pimpinan pergerakan belia/kebajikan — menjadi pengusaha2 restoran, pengusaha2 bengkel dan mungkin juga sa-bagai pemborong2 kecil ia-itu dalam bidang2 yang mereka di-berikan latihan pada masa ini dan pada masa akan datang.

Kedua2 perkara yang terkandung dalam ucapan YAB Pmk. Menteri Besar itu saling bertalian. Yang pertama itu suatu penegasan mengenai asas2 pergerakan MBB dan gabungan2-nya yang sepatut-nya akan terus di-pertahankan dan di-ikuti. Sementara perkara yang kedua itu ia-lah bertujuan menarik perhatian kepada suatu masalah yang sudah nyata berkehendakkan huraian bukan sahaja oleh pihak2 Kerajaan tetapi juga oleh pihak2 lain seperti pemimpin2 belia menerusi pergerakan-nya.

Perhatian Kerajaan kepada masalah2 belia yang sedia jelas patut-lah mendorong MBB dan persatuan2 gabungan-nya untuk lebih menjelaskan dengan ketara kedudukan-nya sa-bagai pertubuhan akar umbi.

Pergerakan MBB mendapat kepercayaan berbagai peringkat

FUNGSI-NYA SA-BAGAI PENGHUBUNG ANTARA RAAYAT DAN KERAJAAN

BERIKUT ia-lah ucapan Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz di-Majlis Pembukaan Rasmi Kongres Agung Perwakilan MBB yang telah berlangsung di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Ahad 31hb. Januari 1982.

Keadaan se-demikian memang patut menak-jutkan orang2 yang tidak tajam pengamatan-nya terhadap diri dan aspirasi kita yang sa-benar. Tetapi nyata-lah keadaan tersebut di-mungkinkan oleh kerana ra'ayat dan pimpinan2 belia pada umumnya ada-lah berfikir dan bersikap realistik pada mendokong ideal belia, bahkan pada mengesan kehendak2 yang berbangkit di-peringkat akar umbi.

Dengan pengesanan itu pertubuhan2 belia telah bergerak tidak sa-bagai 'pressure group' tetapi sa-bagai sa-bahagian dari jentera dan saluran yang sama bertanggung-jawab memenuhi kehendak2 yang berbangkit itu. Saya tidak fikir keadaan telah berubah dan mengubah asas2 pergerakan pada masa ini sebab seperti yang saya katakan tadi bahawa pengalaman masa lalu itu belum luput sa-bagai suatu rangkaian yang berterusan.

Kerana itu saya penoh percaya pertubuhan belia2 kita ia-itu MBB dan sekutu2-nya akan maseh mampu dan bersedia untuk berfungsi sa-bagai sa-bahagian jentera dan saluran yang sama2 bertanggung-jawab memenuhi kehendak2 yang berbangkit. Hal ini patut-lah membangkitkan kesedaran yang berterusan di-kalangan belia2 kita dan mereka patut membanggakan-nya sa-bagai mendapat penghormatan zaman yang di-wakilinya.

PERUNTOKAN

Dari segi kerajaan, perhatian terhadap belia sudah pun sama2 di-ma'alumi sebab salah satu matalamat jangka panjang dalam rancangan kemajuan negara ada mengkhususkan perancangan2 untuk belia.

Sa-bahagian matalamat itu sedang di-usahakan pencapaian-nya melalui skim2 tertentu seperti skim peladang muda dan skim

latihan teknikal. Ini tidak termasuk rancangan bagi memaju dan mengem-bangkan berbagai kegiatan untuk belia2 negeri ini seperti rancangan latihan bagi maksud mengesakan fungsi belia dalam pembangunan kebangsaan.

Pada tahun ini Kerajaan memperuntukkan sa-jumlah sa-ratus ribu ringgit bagi tujuan latihan di-dalam dan di-luar negeri, sementara bagi maksud perkembangan kegiatan2 belia pula Kerajaan telah memperuntukkan sa-jumlah tiga ratus ribu ringgit.

Dan khusus mengenai perkembangan dan kegiatan sokan yang mana belia2 ada-lah sa-bahagian besar orang yang terlibat maka tahun ini peruntukan-nya telah ditambah dari tiga ratus ribu ringgit kepada empat ratus ribu ringgit. Peruntukan sa-banyak empat ratus ribu ringgit ini antara-nya di-maksudkan untuk membantu kegiatan2 sokan yang mana termasuk-lah sa-banyak lima puluh ribu ringgit di-berikan kepada Persatuan Bolasepak Amatir Negeri ini bagi penyertaan-nya dalam perlantikan2 bolasepak Piala Malaysia.

Di-bawah Rancangan Kemajuan Negara 1980 — 1984 telah di-luluskan pembenaan kompleks sokan di-seluruh negeri ia-itu termasuk padang2 bola, gelanggang2 permainan dan kolam berenang. Kompleks2 tersebut ia-lah bagi mengadakan kemudahan2 sokan yang mana belia2 ada-lah orang yang akan mendapat faedah daripada-nya.

MEMBERI PERHATIAN

Tentu-lah ini semua kerana Kerajaan memberi perhatian kepada kebajikan belia2 pada keseluruhan-nya. Perhatian sa-demikian tentu berkehendakkan 'respond' dari belia2 sendiri untuk memastikan rancangan2 yang di-luluskan

itu akan menepati matalamat-nya. Mungkin dalam hubungan ini MBB dan sekutu2-nya dapat memberikan 'respond' yang berpatutan.

Sa-chara yang lebih jelas saya sukachita jika MBB dan sekutu2-nya akan turut memberi perhatian kepada sa-tengah2 masalah yang berhubung dengan belia2, terutama belia2 lepasan sekolah dan lepasan pusat2 teknikal. Pada masa ini ramai belia2 dan beliawanis kita yang mengikuti latihan teknikal dan pertukangan. Rata2 mereka itu berharap akan di-beri kerja oleh Kerajaan sedangkan tujuan memberi mereka latihan itu bukan-lah semata-mata untuk bekerja dengan sektor Kerajaan malah untuk memungkinkan mereka itu menjadi pengusaha2 tempatan di-berbagai-bagai bidang perkhidmatan.

DI-PIMPIN

Dengan ada-nya kemudahan yang di-sediakan oleh Kerajaan melalui skim pinjaman kewangan bagi peniaga2 maka mungkin dapat di-fikirkan oleh MBB dan sekutu2-nya supaya belia2 lepasan pusat teknikal itu di-pimpin untuk di-bentok diri dan imej sa-bagai pengusaha2 tempatan yang berjaya. Kata-lah mereka itu boleh menjadi pengusaha2 bengkel mem-baiki kereta, menjadi pengusaha2 restoran atau menjadi pemborong2 kecil — yang mana semua itu berkehendakkan pimpinan dan inisiatif luar dari mereka maka ada-lah munasabah jika inisiatif dan pimpinan yang mereka perlukan itu dapat di-hulurkan bersama2 oleh MBB dan sekutu2-nya.

Saya menunjuk kepada contoh ini dengan maksud supaya akan ada perhatian yang khusus di-berikan oleh pergerakan belia negeri ini kepada menolong mengatasi sa-tengah2 masalah yang sudah nyata berkehendakkan inisiatif dan pimpinan dari pertubuhan2 seperti MBB dan sekutu2-nya ada-lah berupaya mem-berikan huraian kepada sa-tengah2 masalah zaman-nya.

JANGAN SEWAKAN RUMAH KAPADA PENDATANG2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan Kerajaan telah membuat keputusan dari sekarang yang mana rumah2 yang di-sewakan di-kampung2 tidak akan di-benarkan.

Menurut-nya, kerajaan juga akan mengeluarkan notis dalam perkara2 ini di-mana rumah2 yang di-sewakan itu terpaksa di-kosongkan.

MENASEHATI

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar yang berucap demikian di-mashuarat bulanan Penghulu2 dan Ketua2 Kampung Daerah Brunei dan Muara minggu lalu meminta supaya Penghulu2 dan Ketua2 Kampung memahami tanggung-jawab mereka terutama menchegeh mana2 rumah yang di-bena untuk di-sewakan terutama sekali kepada pendatang2 luar negeri.

"Jadi dari sekarang Penghulu2 dan Ketua2 Kampung perlu-lah menasehati anak2 buah masing2 dalam perkara sa-umpama itu sa-belum kerajaan mengeluarkan notis supaya mengosongkan rumah2 yang telah di-sewakan," ujar Yang Amat Berhormat.

Menurut Yang Amat Berhormat itu lagi, tujuan keputusan ini bukan-lah untuk memutus 'mata pencharian' atau pendapatan sa-seorang tetapi yang penting ia-lah demi untuk mengujudkan lagi satu masyarakat yang aman tenteram, damai dan sejahtera di-kampung2.

MASAAALAH RUMIT

Kata-nya, pendatang2 luar negeri yang menyewa rumah di-kampung2 banyak menimbulkan masalah yang rumit kepada kerajaan pada masa ini terutama bertambahnya rompak dan kechurian serta lain2 perkara yang tidak di-inigini yang di-timbulkan oleh pendatang2 tersebut.

Dengan sebab itu-lah, jelas Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, kerajaan menegah rumah2 yang di-bangun untuk di-sewakan dalam hasrat untuk mengujudkan kembali suasana negeri ini seperti zaman yang sudah2.

Menurut Yang Amat Berhormat, dahulu-nya, rompak, kechurian dan sa-bagai-nya jarang sekali di-dengar berlaku sa-hinggaan basikal boleh di-ampai di-kedai2

hingga 24 jam tetapi sekarang keadaan demikian sudah berubah yang mana rompak dan kechurian sudah bertambah dari sa-hari ka-sehari.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mengingatkan kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampung supaya akan dapat bertindak dalam menchegeh mana2 rumah yang di-sewakan di-kampung masing2 sesuai dengan peranan mereka sa-bagai mata, mulut dan telinga kerajaan.

Bayaran yang di-kenakan oleh 'Private Survey' akan di-teliti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan akan meneliti tentang pembayaran ka-atas tanah2 yang di-sukat oleh 'Private Survey' di-negeri ini yang di-sifatkan oleh orang ramai ada-lah terlalu tinggi.

Ini tidak-lah bermakna yang Kerajaan akan merendahkan bayaran2 tanah yang di-sukat oleh penyukat2 pribet, chuma apa yang di-teliti oleh kerajaan ia-lah pada menseimbangkan bayaran berkenaan ka-taraf yang sederhana.

PEMBAYARAN

Demikian telah di-tekan-kan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika memberikan taklimat kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampung Daerah Brunei dan Muara yang di-adakan di-Bilek Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini baru2 ini.

Kerajaan menyedari tentang ketinggian pembayaran tersebut, tetapi kata Yang Amat Berhormat itu lagi, jalan sa-umpama ini ia-lah pada mempercepatkan lagi proses pe-

nyukatan tanah yang pada masa ini sangat berat di-per-bincangkan ia-itu tentang sa-tengah2 orang ramai mendakwa yang penyukat tanah yang di-jalankan oleh kerajaan ada-lah terlalu lama proses-nya hingga sampai tiga tahun.

KELAMBATAN

Menurut Yang Amat Berhormat, kelambatan pada menyukat tanah di-negeri ini ada-lah berpuncha dari banyak-nya tanah2 yang akan di-sukat terutama sekali di-sebarkan pembangunan infrastruktur Negeri Brunei pada masa ini yang semua-nya mahukan kechepatan ia-itu seperti bangunan sekolah2, masjid2, pejabat2 dan perumahan kera-

jaan, perpindahan serta lain2 projek kerajaan.

Menyentuh tentang dakwaan orang2 ramai yang mengata-kan kerajaan, khas-nya Pejabat Tanah sengkaja melambatkan proses tukar sharat tanah, Yang Amat Berhormat itu memberitahu yang Kerajaan tidak berhasrat dan bermaksud untuk melambatkan proses2 sa-umpama itu apa yang penting di-ingat kata-nya ia-lah terlalu banyak-nya permohonan2 tukar sharat tanah yang di-hadapkan kepada Pejabat Tanah.

Walau bagaimana pun kata-nya, Kerajaan kini sedang meneliti di-mana kelambatan2 sa-umpama itu sering berlaku akan di-percepatkan, Insha Allah.

Peladang2 Muda tinjau kegiatan pertanian di-Malaysia

SINAUT. — Satu rombongan 16 orang peserta Kursus Peladang Muda bersama2 Pengetua Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Awang Shari bin Awg. Hj. Besar dan sa-orang pensharah, Awang Matzin bin Md. Salleh kini berada di-Kuala Lumpur untuk mengadakan lawatan sambil belajar.

Tujuan lawatan tersebut ia-lah untuk melihat dan mempelajari berbagai2 kegiatan pertanian di-Semantanjong Malaysia. Lawatan sa-lama dua minggu itu di-biayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Sharikat Minyak Shell.

TEMPAT2 DI-LAWATI

Antara tempat2 yang mereka kunjungi ia-lah, Kementerian Pertanian, Kuala Lumpur, Pejabat dan ladang2 sayur, bunga dan buah2an FAMA, Cameron Highland, Pusat Penyelidikan MARDI, Hutan Melintang, Projek Barat Laut Selangor, Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Pusat Pertanian, Serdang dan Universiti Pertanian Malaysia.

Mereka juga melawat ITM Shah Alam, Pusat



YAB Pemangku Menteri Besar (duduk tiga dari kanan), Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Pentadbir Kanan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, serta lain2 pegawai2 kanan kerajaan yang hadir pada hari itu.

Kedai2 akan di-bena di-K.B. utk di-sewakan kepada bumiputera

KUALA BELAIT. — Kedai2 akan di-bena di-daerah ini untuk membukakan peluang kepada rakyat yang sudah pun membuat perniagaan sa-chara ke-chil2an. Ini ada-lah sabahagian dari langkah2 kerajaan untuk menggalakan rakyat mencheborkan diri dalam bidang pengurusan perniagaan.

Demikian di-jelaskan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz kepada Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Ketua2 Rumah Panjang di-Daerah Belait di-satu majlis perjumpaan yang berlangsung pada hari Rabu 27hb. Januari lepas bertempat di-Pejabat Daerah di-sini.

RAMAH-MESRA

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu memberitahu bahawa tujuan lawatan beliau pagi itu ada-lah untuk beramah mesra di-samping sama2 memikirkan dan meneliti masalah2 yang di-hadapi oleh Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Ketua2 Rumah Panjang di-kampung masing2.

Yang Amat Berhormat itu seterusnya mengingatkan kepada Penghulu2, Ketua2 Kampung serta Ketua2 Rumah Panjang akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Dipertuan mengenai tugas2 mereka yang berat. Dalam hal ini, tambah Yang Amat Berhormat, mereka hendak-lah melutani masalah2 anak buah mereka dengan jujur dan tegas.

Yang Amat Berhormat itu kemudian-nya menyeru Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Ketua2 Rumah Panjang supaya sentiasa mengamalkan kebiasaan bermuafakat dengan anak2 buah dan pebak2 tertentu dalam usaha menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit.

KESELAMATAN

Beraleh kepada soal keselamatan, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mengingatkan mereka supaya sentiasa mengambil tahu tentang sa-tiap orang2 yang datang atau masuk ka-kampung2 atau rumah2 panjang mereka dan melaporkan jika ada di-antaranya yang masuk sa-chara haram. Beliau sa-lanjut-nya menasehatkan mereka supaya berusaha menyelesaikan sendiri masalah2 yang kecil. Jika ada masalah2 besar yang tidak dapat di-selesaikan di-kampung baru-lah di-hadapkan kepada pihak kerajaan.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu juga menyeru Penghulu2 dan Ketua2 Kampung serta Ketua2 Rumah Panjang supaya menyampaikan kepada anak2 buah mereka sebarang usaha2 kerajaan, seperti undang2 yang telah di-luluskan, projek2 dan lain2.

Perjumpaan pada pagi itu telah juga di-hadiri oleh Awg Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin Tudin dan Penolong Pegawai Daerah.—TB.



PERSATUAN Kebajikan Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah menderma sa-jumlah \$1,400.00 kepada Tabong Derina Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara dan Tabong Orang2 Chachat Negeri Brunei.

Derma tersebut telah di-sampaikan kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain di-satu majlis di-pejabat Yang Berhormat itu pada minggu lalu (gambar atas).



PELADANG2 Muda beserta pensharah mereka sa-belum bertolak pada minggu lalu.

WAJIB MASOK UGAMA ISLAM

BERKATA Al-Habib Abdullah bin Hussin Ba'alawi dalam kitab SULLAMAT-TAUFIQ ILA MAHABBATILLAH 'ALAT-TAHQIQ bahawa wajib di-atas sekalian orang Mukallaf ('akil baligh) samada lelaki atau perempuan masok dalam ugama Islam. Ada pun orang wajib-lah dia tetap dalam ugama Islam itu sa-lama2-nya sa-tiap waktu dan masa, dengan mengaku, memikul, menjalankan perkara2 yang wajib dari hukum2 Islam samada pada perkataan dan iktikad dan perbuatan.

Sa-tengah daripada perkara yang wajib ia-lah menguchap dua kalimah shahadah dengan mengetahui erti kedua-nya dan membuang iktikad yang menyalahi ugama Islam ia-lah sa-kira-nya orang kafir mahu masok Islam hendak-lah ia membuang iktikad-nya yang menyalahi ugama Islam itu.

Kalimah sahadah itu mengandungi erti bahawa "Aku naik saksi dan aku yakin serta aku beriktikad, beriman dan perchaya bahawa tiada-lah ada Tuhan yang sa-benar melainkan Allah jua, dan aku naik saksi dan aku yakin serta aku beriktikad, beriman dan perchaya bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu Rasulullah, pesuruh-Nya kepada manusia dan jin sekalian."

Siri ke-117

Sementara Al-'Alamah Abdullah bin Umar bin Yahya Al-'Alawi berkata dalam kumpulan fatwa-nya bahawa erti

اشهدان لا اله الا الله

itu ia-lah bahawa "Saya ketahui, saya iktikad dengan hati saya, dan saya terangkan kepada orang lain bahawa tiada-lah ada Tuhan yang di-sembah dengan sa-benar-nya dalam alam ini atau dalam wujud ini melainkan Allah Ta'ala, dan Allah Ta'ala itu terkaya daripada yang lain, dan yang lain itu berhajat kepada Allah Ta'ala, dan Allah Ta'ala itu bersifat dengan segala sifat yang

sempurna, yang suchi dari segala sifat yang kurang dan chachat, dan suchi dari segala apa yang terlintas di-dalam hati manusia, Allah Ta'ala tiada mempunyai isteri dan tiada mempunyai anak, dan Allah Ta'ala itu tiada menyempurnai sa-seorang samada pada zat atau pada sifat atau pada perbuatan."

Ada pun erti

اشهدان محمد رسول الله

ia-lah bahawa "Saya ketahui, saya iktikad dengan hati, dan saya nyatakan kepada orang lain bahawa Sayedina Muhammad bin Abdullah itu hamba Allah dan Rasul-Nya kepada sekalian manusia dan jin. Baginda itu ada-lah benar pada segala apa yang di-khabarkan-nya. Wajib-lah

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



IAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Uthman) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S. P.I.S. Ashar dan U. Cairo, Mufti

di-atas sekalian manusia perchayakan Baginda dan mengikut ajaran-nya. Dan haram di-atas mereka mendustakan Baginda dan menyalahi ajaran-nya. Barang siapa mendustakan Baginda maka dia telah menzalimi diri sendiri dan menjadi kafir. Dan barang siapa menyalahi ajaran-nya tetapi dengan tiada mendustakan Baginda maka dia telah membuat dosa dan menanggung rugi.

MEMELIHARA ISLAM

WAJIB-LAH di-atas tiap2 orang Islam memelihara Islam-nya dan menjaga Islam-nya dari terkena rosak dan binasa, dan dari merosakkan Islam itu sendiri.

Ada pun merosakkan Islam itu nama-nya riddah


atau keluar dari Ugama Islam. Riddah itu ada-lah sa-jahat2 kufur.

Pada zaman sekarang ini orang telah mempermudah2 sangat melafadzkan mulut dan berchapak2 sa-hingga terbit dari lidah sa-tengah2 mereka lafadz2 dan ibarat yang membawa kepada riddah ia-lah mengeluarkan mereka daripada ugama Islam. Mereka tiada nampak yang lafadz atau ibarat sa-demiikian itu sa-bagai suatu dosa apatah lagi sa-bagai lafadz atau ibarat kufur kerana mereka sangat2 jahil dalam ugama Islam dan kerana tiada ada orang yang engkarkan perkara mungkar yang menjadi2 sekarang ini.

WALLAHU A'ALAM.



PARA hadirin yang hadir di-majlis sambutan Maulud anjoran PGGMB di-dewan bangunan persekutuan itu pada minggu lalu.



PGGMB adakan Sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) telah mengadakan satu majlis Sambutan Maulud Nabi s.a.w., bertempat di-Dewan Persekutuan itu pada malam Isnin 24hb. Januari yang lalu.

Sambutan yang di-adakan buat kali kedua-nya oleh persekutuan itu adalah bertujuan pada merapatkan lagi perhubungan ahli2 persekutuan yang berada di-daerah2 di-negeri ini di-samping untuk mengenang kembali kelahiran Rasulullah s.a.w.

Achara majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan bacaan ayat suchi Al-Kor'an oleh Dayang Fatimah binte Hitam kemudian di-ikuti dengan persembahan nashid yang di-sampaikan oleh penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah, Gadong.

Ini kemudian-nya di-ikuti dengan ucapan alu2-an oleh Pengerusi sambutan, Awang Haji Sabtu bin Muhammad dan sa-lepas itu di-susuli oleh ucapan

Yang Dipertua persekutuan itu, Awang Haji Suni bin Haji Idris.

Achara pada malam itu di-akhiri dengan persembahan zikir yang telah di-bawakan oleh guru2 dari Daerah Tutong, guru2 dari Sekolah Melayu Sungai Kebun, Kelas Kor'an dan Zikir Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Jabatan Pelajaran dan Kelas

Zikir dari Jabatan Kenadziran dan Lembaga Peperiksaan.

Turut hadir di-majlis itu termasuk-lah Ketua Pegawai Dermasiswa, Awang Haji Hamdani bin Abd. Rahman, Setiausaha Agong PGGMB, Pengiran Mustapha bin Pengiran Matassan serta lebih daripada 100 orang ahli2 persekutuan.

Sambutan Maulud di-sana-sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis2 kegamaan bersempena memperingati Hari Keputeraan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. tahun Hijrah 1402 maseh terus di-adakan di-beberapa tempat di-seluruh negeri.

Malam Rabu lalu, majlis saumpama itu telah di-adakan oleh Badan Ugama dan Akhlak Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah bertempat di-Dewan Jubilee Perak maktab tersebut.

Antara achara2-nya termasuk-lah bacaan Al-Kor'an oleh Awang Taha bin Metali, persembahan nashid dan mendeklamasikan sajak. Satu sharahan khas juga telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned. Turut beruchap ia-lah Pengetua Mak-

tab, Awang Umar bin Haji Ahai.

Sementara itu, majlis yang serupa juga telah di-langsungkan malam Khamis lalu bertempat di-Ibu Pejabat Jabatan Letrik di-Kuala Belait.

Majlis anjoran pegawai2 dan kakitangan2 jabatan tersebut telah di-isikan dengan hurairan bacaan Al-Kor'an dan ucapan2 dari Pengarah Perkhidmatan Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman, Jurutera Letrik Daerah, Awang Haji Aziz bin Hamid, dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Haji Tudin.

Majlis bagi memperingati Hari Maulud juga telah di-adakan di-Sekolah Inggeris Berakas di-sini Sabtu lalu, yang mana ia-nya telah di-isikan dengan bacaan Al-Kor'an, persembahan2 nashid, berzanzi dan zikir maulud.

GAULI ISTERI DENGAN PERANGAI YANG BAIK

Mari-lah kita sama2 galatkan Allah Ta'ala dan takut kepada azab-Nya dengan bertakwa kepada-Nya dengan sebenar2-nya serta sentiasa mengerjakan apa jua surohan-Nya dan menjauihi apa jua larangan-Nya.

Perempuan di-jadikan Allah Taala ada-lah untuk menjadi rakan dan teman bagi orang lelaki di-dalam kehidupan di-atas dunia ini. Bapa segala manusia yakni Adam a.s. ketika berada di-dalam Shorga samacham merasa gelisah menanggung kesepian dan keseorangan kerana tiada mempunyai sa-barang teman untuk berdamping dengan-nya. Gerak hati dan maksud Nabi Adam a.s. itu memang di-ketahui oleh Allah Taala lalu di-jadikan-Nya sa-orang perempuan untuk menjadi rakan, teman dan isteri Baginda yang merasa keseorangan dan kesepian itu.

Yang demikian menunjukkan bahawa kehidupan sa-orang lelaki tidak akan sempurna melainkan di-dampingi oleh perempuan. Begitu juga sa-balek-nya kehidupan sa-orang perempuan tidak akan sempurna melainkan di-lindungi dan di-dampingi oleh lelaki. Pendek-nya untuk mengujudkan kehidupan yang sempurna di-dunia ini lelaki dan perempuan ada-lah saling perlu memerlukan antara satu dengan lain. Di-dalam Al-Kor'an ada di-terangkan bahawa lelaki itu ada-lah merupakan pakaian bagi perempuan dan perempuan itu pakaian bagi lelaki.

Untuk memenuhi keperluan itu, Allah s.w.t. telah mengatorkan menerusi shariat Islam hukum nikah kahwin yang wajib di-ikuti oleh umat manusia bagi menjamin kepentingan semua pihak. Kerana kalau nikah kahwin manusia tidak di-ator pasti-lah mereka akan menjalani kehidupan seperti haiwan yang pasti akan menghancurkan keturunan dan kerukunan hidup mereka.

TUNAikan KEWAJIPAN

Di-dalam perkahwinan itu Allah Taala telah tentukan hak2 dan kewajipan2 suami serta hak2 dan kewajipan2 isteri terhadap rakan-nya masing2. Yang mana jikalau suami dan isteri itu tunaikan kewajipan dan penohkan hak masing2 pasti-lah kehidupan suami isteri itu akan aman, tenteram dan bahagia. Sebalak-nya jikalau kedua2-nya atau salah satu dari suami dan isteri itu gagal atau enggan menunaikan kewajipan dan memenuhi hak bagi rakan-nya jarang benar kehidupan mereka akan aman dan bahagia bahkan kemungkinan besar akan retak dan akhir-nya pechah berkechai yang membawa mereka sengsara dan bercherai-berai.

Di-dalam khutbah ini kita akan chuba terangkan salah satu hak isteri yang perlu di-tunaikan oleh suami kepada isteri-nya ia-itu berperangai baik terhadap isteri. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang kira2 bererti:

"Orang mukmin yang paling sempurna iman-nya ia-lah orang yang paling baik perangai-nya, dan orang yang paling baik di-antara kamu ia-lah orang yang paling baik perangai-nya terhadap isteri-nya."

Imam Ghazali pernah berkata bahawa perangai baik terhadap isteri itu bukan sa-takat menolak

mudharat dari isteri-nya, tetapi di-samping menolak mudharat itu hendak-lah ia tahan menanggung kepahitan dan kesakitan daripada perangai isteri-nya serta tiada lekas marah ketika isteri-nya meradang dan marah.

Menolak mudharat daripada isteri itu termasuk-lah memberi nafkah yang cukup kepada isteri dan jangan-lah ia tiada di-beri keluar sa-kali sekala dari rumah kerana berjumpa ibu bapa-nya atau ziarah orang yang patut di-ziarahi-nya. Pemberian nafkah itu hendak-lah sa-chara sedarhana jangan terlalu kedekut dan jangan terlalu boros, bahkan hendak-lah menurut kadar upaya dan manasabah dengan kedudukan-nya. Kalau atoran ini di-ikut pasti-lah akan tertolak mudharat daripada isteri dan jika ia-nya tiada di-ikut boleh jadi rosak perangai-nya dan sudah tentu akan membawa perkelahian.

PERANGAI ISTERI

Adapun yang di-maksudkan dengan tahan menanggung kepahitan dan kesakitan daripada perangai isteri itu ia-lah bahawa suami hendak-lah jangan lekas meradang kalau isteri-nya menjawab apa2 tegoran-nya bahkan beri-lah tegoran itu dengan sa-chara menunjukkan jalan yang betul yang di-terima oleh akal-nya. Dan jika isteri itu menjadi marah dengan sebab kata2 suami-nya jangan-lah ia di-lawan dengan marah, bahkan kalau patut diam hendak-lah di-aman.

Kerana api yang menyala akan padam juga akhir-nya jika terus di-siram dengan ayer. Sebalak-nya kalau api yang menyala itu di-tambah lagi dengan siraman minyak pasti-lah api akan bertambah besar dan membakar benda2 sekitar-nya. Begitu-lah di-antara-nya chara berperangai baik terhadap isteri menurut shara', dan demikian-lah yang telah di-lakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda terhadap isteri masing2.

Menurut yang di-terangkan dalam beberapa hadith, ada-lah isteri2 Rasulullah s.a.w. itu telah menjawab apa2 tegoran Baginda, dan pernah Baginda itu di-tinggalkan oleh sa-orang daripada isteri-nya daripada sa-kehidoran dengan-nya dari siang sampai malam, pada hal Baginda itu ada-lah sa-baik2 manusia dan sa-mulia2 akhlak-nya.

Pernah suatu ketika antara Rasulullah s.a.w. dan isteri-nya Sayedatina Aishah r.a. berlaku pertengkaran sa-hingga datang Sayedina Abu Bakar As-Sidiq r.a. untuk meleraikan dan mendengar perchakapan2 kedua suami isteri itu. Maka sabda Rasulullah kepada isteri-nya itu: "Berchakap-lah engkau dahulu wahai Aishah atau aku berchakap dahulu." Jawab Sayedatina Aishah: "Berkata-lah engkau

dahulu tetapi jangan engkau berkata bohong."

NAIK MARAH

Bila di-dengar oleh Sayedina Abu Bakar akan perkataan anak-nya Sayedatina Aishah itu naik-lah marah-nya lalu di-tamparnya muka Sayedatina Aishah sampai berdarah mulut-nya, dan kata-nya: "Hai yang bermusuh sendiri, ada-kah Rasulullah itu berkata dengan tiada sebenar-nya?" Maka menengis-lah Sayedatina Aishah di-tampar oleh ayahanda-nya itu lalu lari berlindung di-belakang Rasulullah kemudian Rasulullah pun berkata kepada Sayedina Abu Bakar: "Tiada-lah kami kehendakkan engkau melakukan hal sa-macham ini."

Isteri2 Rasulullah s.a.w. itu ada-lah merupakan ibu2 kepada orang2 mukmin yang sudah barang tentu orang2 yang menerima pengajaran langsung daripada Rasulullah dan telah terpilih untuk menjadi isteri kepada Baginda. Kalau-lah begitu telatah sa-bahagian daripada mereka terhadap sa-seorang Nabi dan Rasul yang terjamin kebaikan perangai-nya, maka apa tah lagi hal-nya dengan perempuan2 lain dari umat Baginda yang sudah berkurun2 sesudah Baginda, sudah tentu ada yang lebih dahsat lagi perangai mereka terhadap suami masing2. Sungguh benar-lah apa yang di-terangkan oleh Rasulullah s.a.w. tentang perempuan, sabda-nya yang kira2 bererti:

GAGAK PUTEH

"Umpama sa-orang perempuan yang saleh yakni yang bersifat baik dan tiada berperangai burok itu di-kalangan sekalian perempuan ada-lah seperti sa-ekor burung gagak puteh di-tengah kumpulan dua ratus ekor gagak."

Hadith ini memberi erti, memang amat payah menjumpai sa-orang perempuan yang benar2 baik dan tiada chachet chela perangai-nya di-dalam dunia ini, bahkan kalau tidak banyak, sedikit pun pasti ada2 saja perangai burok-nya yang boleh menyakitkan hati suami. Kerana itu-lah ugama Islam mengajar umat-nya supaya sentiasa bersikap sabar dan tenang menghadapi keburokan2 dan kejahatan2 perangai isteri bagi menjamin kebaikan, dan kebahagiaan rumah tangga masing2.

Dari itu mari-lah kita kaum lelaki sekali-mengpergauli isteri masing2 dengan perangai yang baik dengan chara2 yang di-suroh oleh ugama kita bagi mengelakkan jangan sampai rumah tangga kita selalu dalam pertengkaran, perkelahian dan sa-bagai-nya yang mana akhir-nya boleh jadi akan membawa kesengsaraan dan keruntuhan rumah tangga.

KHUTBAH JUMAAT

NIAT: Menentukan balasan baik dan jahat sa-tiap amalan

Junjongan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. ada-lah sa-orang pesuruh Allah dan pemimpin umat manusia, Baginda amat berdukachita melihat penderitaan dan kerosakan yang menimpa umat-nya, baik segala penderitaan dan kerosakan itu berupa kerosakan rohani dan keruntuhan budi pekerti, atau pun persengketaan dan permusuhan yang tak habis2 dalam masharakat, begitu juga kesulitan yang di-hadapi oleh umat-nya dalam berbagai lapangan penghidupan. Dengan demikian Baginda s.a.w. mempunyai minat dan chita2 yang besar, serta sentiasa berusaha dengan sa-penoh tenaga untuk memperbaiki keadaan, demi untuk memperolehi keselamatan serta Kesejahteraan bersama dalam masharakat, lebeh2 lagi minat Baginda terhadap orang2 Islam yang mengikuti ajaran2 dan pimpinan-nya, Baginda s.a.w. mempunyai sifat kasih sayang yang tidak terhingga terhadap mereka.

MULIA

Demikian-lah sifat2 mulia yang di-tunjukkan sa-chara amalan oleh Rasulullah s.a.w. sesuai dengan tugas Baginda untuk pembangunan umat manusia, serta menge-

PEMBETULAN

KHUTBAH Jumaat keluaran 27hb. Januari, 1982 yang bertajuk HIDUP DI-DUNIA HANYA SEMENTARA paragraph 7 hingga 12 hendaklah di-bacha sa-lepas paragraph 3. Sementara paragraph 4 hingga 6 hendaklah di-bacha sa-lepas paragraph ke-12. — Pengarang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10hb Februari, 1982 hingga ka-hari Selasa 16hb Februari, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
10hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21 6.36
11hb Feb	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20 6.35
12hb Feb	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20 6.35
13hb Feb	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20 6.35
14hb Feb	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20 6.35
15hb Feb	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20 6.35
16hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.20 6.34

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Bingkisan Minggu Ini

luarkan mereka dari gelap gelita, kejahilan kepada chahaya alam dan kebenaran. Sifat2 yang sa-demikian telah di-jelaskan oleh Allah s.w.t. sapertimana maksud firman-Nya di-dalam Surah At-Taubah ayat 128 yang membawa erti kira2: "Sesungguhnya telah datang kepada-mu sa-orang Rasul dari golongan kamu, yang sangat mengambil berat akan penderitaan kamu, bersungguh menjaga keselamatan kamu, pengaseh lagi penayang terhadap orang2 yang beriman."

Dengan sifat2 mulia Baginda s.a.w. itu sa-bagai sa-baik2 chontoh dan sa-baik2 pengajaran, untuk memandu manusia chara2 membersehi diri dan hati daripada kecurfuran serta sifat2 yang keji, menanam dalam jiwa manusia sifat2 yang terpuji, chinta kepada kebaikan dan bekerja untuk kesejahteraan dan keamanan bersama. Dengan terlaksana-nya segala ajaran dan pimpinan Baginda Rasulullah s.a.w. itu, maka akan hapus-lah segala punca kerosakan dan kejahatan di-kalangan manusia dan akan menimbulkan perasaan saling mengerti dan persefahaman.

PANDUAN

Daripada semua perkara2 yang di-chontohkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. dapat-lah kita sa-bagai umat Islam mengambil pengajaran untuk di-jadikan panduan bagi memperbaiki hati dan jiwa, yang mana hati dan jiwa merupakan faktor yang utama bagi menguatkan iman dan mengasah budi pekerti yang luhur lagi mulia.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Sayedina Omar Ibnu Al-Khatib r.a., bermaksud: "Sesungguhnya-nya amalan2 itu dengan niat, dan sa-tiap sa-orang hanya memperolehi apa yang di-niatkan, maka barang siapa yang hijrah-nya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrah-nya itu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan barang siapa yang hijrah-nya kepada dunia yang hendak di-chapai-nya, atau kepada sa-orang perempuan yang hendak di-kahwini-nya, maka hijrah-nya itu ada-lah kepada apa yang ia hijrah kepada-nya."

AMALAN

Jika kita teliti kepada maksud hadith tersebut, ternyata hadith yang berkenaan tersangat besar erti-nya kepada umat Islam dalam mengendalikan amalan2 yang di-shariatkan oleh Allah s.w.t. Kesuchian niat dalam mencari keredhaan Allah di-segi amalan2 shara' ada-lah penting, sama ada amalan itu ada hubungan-nya dengan ibadat kepada Allah atau pun amalan yang ada hubungan-nya dengan masalah sa-sama manusia dalam kehidupan sa-hari2. Semua amalan itu akan di-terima oleh Allah atau di-tolak-Nya ada-lah tergantung kepada niat dan tujuan-nya. Jika niat dan tujuan-nya kotor dan jahat, jahat-lah balasan-nya, begitu-lah sa-balek-nya.

PENGAJARAN

Demikian-lah salah satu pengajaran yang penting, yang di-laksanakan oleh junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. untuk membersehi jiwa dan hati manusia. Pengajaran Baginda tegaskan di-dalam hadith yang berpuncha dari kesan hijrah-nya Nabi s.a.w. dari kota Mekkah ka-Medinah, yang mana tujuan utama daripada hijrah Rasulullah s.a.w. ka-Medinah itu ia-lah kerana melaksanakan kewajipan ugama yang telah dipertanggung-jawabkan oleh Allah ka-atas Baginda, ia-itu kewajipan memelihara ugama, meningkatkan shi'ar Islam dan mengembangkan hukum2-nya di-kalangan umat manusia. Itu-lah asas penilaian iman dan amal yang berpuncha dari niat dan saterus-nya di-lakukan dengan perbuatan, dengan demikian segala yang di-chapai akan mendapat kejayaan dan keredhaan Allah s.w.t. untuk kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat.

PAS2 KERJA BAGI PEKERJA2 JABATAN LETRIK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa langkah baru akan di-laksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan2 Letrik bagi melicinkan pelaksanaan peratoran2 yang di-fikirkan menyelesaikan orang ramai.

Sa-takat ini dua langkah sedang berjalan yang me-

libatkan pengenalan kaki-tangan-nya ka-rumah2 semasa melakukan pembacaan meter dan yang satu lagi ia-lah menyelaraskan masa2 yang menyelesaikan sa-waktu melakukan pembayaran2 tenaga letrik bagi pengguna2 Daerah Brunei dan Muara.

Mengenai dengan pengenalan pekerja2 Jabatan itu, pekerja2 yang terlibat dalam tugas2 pembacaan meter2 ka-rumah2 pengguna di-bekalkan dengan pas2 yang menunjukkan pembawa-nya ada-lah pekerja2 jabatan tersebut.

Dalam pas2 itu ada-lah mengandungi logo Jabatan Letrik dan menyebutkan nama pekerja, jawatan, nombor Kad Pengenalan Pekerja dan juga siri nombor pas.

Pas2 kerja tersebut akan di-gunakan oleh semua Pembaca Meter dan pekerja di-Bahagian Pemeliharaan (Maintenance Section), mulai pada 15hb. Februari ini.

KEPERCHAYAAN

Jelas-nya pas2 ini akan di-pakai oleh Kakitangan Jabatan Perkhidmatan2 Letrik di-seluruh Negeri yang menghadapi orang ramai.

Langkah2 ini di-buat, bukan saja menjaga keselamatan pegawai2 yang bertugas di-Jabatan ini, bahkan juga keselamatan dan keperchayaan orang2 awam.


Oleh yang demikian orang ramai boleh-lah menalipon ka-Jabatan ini sekiranya ada apa2 aduan kerosakan dan sebagainya, ia-itu pada waktu siang 22087/8 dan di-waktu malam 22358.

Sementara itu waktu pembayaran tuntutan api letrik bagi Daerah Brunei dan Muara telah di-ubah waktu pembayaran-nya, mulai dari 8hb. Februari 1982 lepas seperti berikut.

Hari Isnin hingga hari Khamis pembayaran boleh di-buat dari pukul 8.00 pagi hingga 2.30 petang; pada hari Jumaat dan Sabtu, dari 8.00 hingga 11.00 pagi.

Sa-bagaimana yang di-fahamkan perubahan ini di-lakukan ada-lah bagi membolehkan dan memudahkan pegawai2 Kerajaan yang tidak berkesempatan untuk membayar bil2 Letrik mereka.

Bagi daerah2 lain perubahan ini ada-lah masih dalam pertimbangan ia-itu sebaik2 sahaja urusan2 tertentu dapat di-jalankan.



INI-LAH rupa kad yang akan di-pakai oleh pekerja Jabatan Perkhidmatan2 Letrik seperti pembaca2 meter dan pekerja2 Bahagian Pemeliharaan.

Permohonan perubahan gaji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Perjawatan mengumumkan bagi perhatian semua pegawai2 yang berkenaan, yang sedang berchuti, menghadiri kursus, dalam penempatan dan sebagai-nya bahuwa permohonan2 untuk perubahan gaji menurut sharat2 Surat Keliling Pejabat SUK Bil: 26/1975

dan Bil: 6/1977 hendaklah di-hadapkan ka-Pejabat Perjawatan sa-beserta segera yang boleh dan tidak lewat dari satu bulan sa-lapas tarikh sa-suatu kelayakan di-perolehi.

Permohonan bagi perkara tersebut tidak akan di-pertimbangkan sa-kiranya gaji pegawai itu dalam tahun dia menduduki pe-periksaan yang berkenaan itu telah melimpasi gaji permulaan atau pun terletak pada tahap gaji permulaan bagi salah satu daripada pe-periksaan2, Sijil Rendah Pelajaran Brunei/Brunei Junior Certificate of Education — \$485.00 dan Sijil Pelajaran Singapura/Brunei General Certificate of Education — \$515.00.

Pegawai2 yang belum menghadapkan permohonan bagi perubahan gaji menurut perenggan 1 diatas, ada-lah di-nasehatkan supaya berbuat demikian tidak lewat dari 31hb. Disember, 1982. Permohonan2 yang di-terima sa-lapas tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan — AP.

Kejayaan AMDB dalam peraduan menembak di-S'pura

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Sa-ramai 40 orang penembak Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah kembali ka-tanah ayer pada 23hb. Januari lalu, sa-telah menyertai Perlawanan Menembak Tahunan Angkatan Bersenjata Singapura.

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan Menembak Askar Melayu Diraja Brunei telah berjaya menduduki tempat ketiga, ia-itu tempat yang pernah di-menangi-nya tahun lalu.

Dalam Bahagian Rifle Perseorangan, ia-nya telah di-menangi oleh 5659 Perajurit Othman bin Anggas dengan mendapat tempat kedua, sementara naib-johan dalam Bahagian Pistol Perseorangan telah di-menangi oleh 3880 Sgt. Suing bin Datu Gadong.

Dalam Bahagian GPMG Berpasukan, Pasukan Menembak AMDB yang di-wakil oleh 3723 Sgt Karim bin Abdullah, 5022 Kpl Yahya bin Haji Salleh dan 5154 L/Kpl Rosli bin Abdullah telah memenangi tempat kedua.

Perlawanan sa-lama lima hari, bermula pada 18hb. Januari lalu di-anjarkan oleh Angkatan Bersenjata Singapura dan telah di-sertai oleh kira-kira tujuh buah negara lain di-Asia.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain ketika memberikan ucapan di-majlis itu (atas) sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari pegawai2 ugama dan guru2 ugama yang menghadiri majlis tersebut.



Kursus Pendidikan bagi Guru2 Ugama di-tiga daerah

SERIA. — Sa-ramai 107 orang guru2 ugama Daerah Belait pada pagi Ahad, 31hb. Januari lalu, telah menghadiri Kursus Pendidikan sa-hari yang berlangsung di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa-adatul Bolkiah di-Pekan Seria di-sini.

Majlis pada hari itu telah bermula dengan ucapan dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Yang Berhormat itu antara lain telah berkata bahawa perjumpaan itu di-anjarkan sa-bagai langkah pada menuju untuk menekankan dan memberi kesan kepada hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Diper-

tuan bagi mengujudkan sistem pentadbiran Kerajaan yang cekap, jujur lagi amanah.

Perjumpaan tersebut, menurut Yang Berhormat, ada-lah juga sa-bagai su-sulan atau 'follow-up' pada menjunjung titah Baginda dan ada-lah penting semata2 untuk menandai dan menjunjung titah tersebut.

NEKMAT ALLAH

Dalam majlis itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah juga membentangkan mengenai nekmata Allah dan hak-nya, chara2 menyempurnakan hak2 nekmata Allah, pengarah pendidikan yang berkesan, sharat2 bagi menjadi guru2 yang berjaya dan ranchangan bagi menjadikan masjid2 sa-bagai pusat Kelas Dewasa Ugama.

Kursus sa-hari itu telah di-isikan dengan Cheramah Pendidikan mengenai Sikap2 Guru2 Ugama oleh Ustaz Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim, Cheramah Tasauf (Sifat Istiqamah) oleh Ustaz Awg. Hj. Besar bin Abu Bakar, dan cheramah mengenai Peratoran dan Arahana2 (Kelas Dewasa Ugama) oleh Penolong Pelagusa Pelajaran Ugama Brunei.

Turut menghadiri kursus tersebut ia-lah Kadhi Daerah Belait, Awang Haji Metussin bin Hj. Timbang dan pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri.

Kursus2 yang sama juga telah di-adakan di-Pekan Bangar untuk guru2 Ugama di-Daerah Temburong di-Pekan Tutong bagi guru-guru di-Daerah Tutong pada minggu lalu.

Saudara Baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi pemuda berbangsa Iban telah memelok Ugama Islam pada hari Sabtu, 23hb. Januari lepas dalam satu majlis yang di-langsungkan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Majlis pengislaman bagi Awang Dollah Anak Kanang telah di-lakukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin.

Awang Dollah yang berusia 18 tahun dan berasal dari Kampong Amo 'A' Daerah Temburong itu telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd. Shahmin bin Abdullah.

Mashuarat Agong IQRA dan PITA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua buah persatuan belia dan kebajikan di-Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan mashuarat agong-nya pada hari Ahad, 14hb. Februari ini.

Persatuan Pembaca2

Kor'an Islam Brunei (IQRA) akan mengadakan mashuarat-nya di-Dewan Sekolah Melayu Delima Satu. Mashuarat ini, menurut Setiausaha Agong-nya, akan di-rasmikan oleh Kadhi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri

Setia Awg Haji Abdul Hamid bin Bakal.

Sementara Persatuan Ikatan Kampong Tanah Jambu (PITA) pula akan mengadakan mashuarat-nya pada hari itu bertemp di-Dewan Sekolah Melayu Tanah Jambu mulai pukul 9.00 pagi.

RANCHANGAN

TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU
10HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 IN SEARCH OF: "Great Wall of China"
- 5.30 NEW TOM AND JERRY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DIFFERENT STROKES: "Prep School"
- 6.30 THE CANAL CHILDREN: "Buggets And Tonnage"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 CANAL CHILDREN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FOUL PLAY: "Hit and Run"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 FOUL PLAY — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 GIVE US A CLUE
- 9.20 HAWAII FIVE 'O': "Angel In Blue"
- 10.10 TAYANGAN GAMBAR: "Showdown"
- Sa-lepas melepaskan diri dari sa-buah penjara di-Mexico, kedua2 mereka melakukan satu rompak yang kemudian-an-nya di-ikuti dengan perkelahian sengit dan pembunuhan. Pelakun2 Audie Murphy, Kathleen Crowley, Charles Drake, Harold J. Stone, Skip Homeier, dll.
- 11.40 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS
11HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YES YOU CAN
- 6.30 TAKE HART
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 TAKE HART — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BATTLE STAR GALACTICA — "The Gun On Ice Planet Zero" — Bahagian 2.
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.52 BATTLE STAR GALACTICA — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 HOUSE CALLS:



SIRI Tarzan minggu ini berjodol: Alex The Great.

"I'll Be Suing You"
Sa-orang pesakit wanita kegemaran Dr Michaels sebenarnya ia-lah sa-orang yang bertujuan untuk memeras wang dari Dr Michaels dan hospital.

- 10.00 ROAD TO WEMBLEY: "Birmingham vs Ipswich"
- 11.00 DYNASTY
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT
12HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL: "Trial of Strength"
- 5.30 CHOICE OF CHAMPIONS: Faster, Higher, Stronger.
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.30 THE SQUAD — "Wheels"
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 THE SQUAD — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 EIGHT IS ENOUGH: "I Do, I Do, I Do"
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 IRAMA DAKWAH
- 9.00 DALLAS: "Blocked"
- 9.50 BENSON: "Mercy's Wedding"
- 10.20 GUSTI
- 11.20 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU
13HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 RICHY RICH
- 6.30 MR MERLIN
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 MR MERLIN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE INCREDIBLE HULK — "The Minor Problem"
- David Banner terpaksa menolong mencari satu "antidote" untuk membunuh kuman2 yang sedang menyerang sa-buah bandar kecil di-mana David sedang berada.
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 MARI MEMASAK: Tomato Kebab Kambing (Resepi-nya di-siarkan di-muka 8 akhbar ini)
- 9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
- 10.45 TAYANGAN GAMBAR AKHIR
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD
14HB FEB.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.16 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.17 ACTIVITY
- Ranchangan dari Perbadanan Penyiaran Singapura.
- 3.00 ABC WORLD OF SPORT
- 3.45 GEPPETTO'S WORKSHOP
- 4.01 AZAN ASAR
- 4.05 GEPPETTO'S WORKSHOP — sambongan
- 4.10 KAP KAP UDANG
- 4.40 FIRST AID
- 5.00 SHAZAM
- 5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TROLLKINS
- 6.30 MORK AND MINDY: "The Wedding"
- Mork dan Mindy mengalami bantahan atas perkahwinan mereka. Orson tidak mengizinkan Mork berkahwin dan terus menukar-nya menjadi anjing.
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 MORK AND MINDY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT: "Isocles Triangle"

Captain Stubing dan Doktor masing2 berebutkan sa-orang penumpang wanita chantek.

- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 LOVE BOAT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 FORUM — Tajok: "Menambah Minat Kanak2 (Pelajar2) Rajin Membaca"
- Pengerusi: Pg Shahbuddin Pg Ahmad
- Panel: Pg Badaruddin Pg Ghani, Awg Mahmud Haji Bakyr, Awg Umar Haji Ahai.
- 9.00 BEST OF THE WEST: "They're Hanging Parker Tillman"
- Bahagian pertama.
- Sam menyelamatkan Tillman dari ganyangan penduduk2 sa-tempat atas tuduhan mencuri kambing.
- 9.30 POT BLACK
- 10.00 PENMARRIC Ep. 3
- 10.50 TALES OF THE UNEXPECTED: "The Man At The Top"
- Hardy merasa takut sa-telah melakukan satu pembunuhan. Hanya Man at The Top yang boleh menolong-nya. Sa-harus-nya Hardy mesti memastikan siapa sebenar-nya yang di-bunuh-nya itu.
- 11.20 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN
15HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 THE NEW SPACE GHOSTS AND HERCULOIDS
- 5.35 WILD SOUTH
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TARZAN: "Alex the Great"
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART:
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 HART TO HART — sambongan
- "Murder Up Their Sleeve"
- Kerana perasaan dengki kepada keluarga Hart sa-orang wanita sa-akan2 rupa Jennifer merancang membunuh Jonathan.
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 TARIAN KEBUDAYAAN
- 9.20 NATIONAL GEOGRAPHIC: "Yukon Passage"
- 10.10 KNOTS LANDING: "Man of the Hour"
- 11.00 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA
16HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 COME ON CHARLEE No. 4
- Ranchangan dari Perbadanan Penyiaran Singapura.
- 5.30 SPORT'S BILLY: "Viking For A Day"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL
- "It's A Brand New World"
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: Classical Gas
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ARENA SOKAN
- 9.15 VIETNAM 10,000 DAY WAR: "Westy's War"
- Kerajaan Amerika Sharikat mer-keputusan daripada "bertahan" pada menguasai seluruh jentera perang.
- 9.45 MOVIE: Teahouse of the August Moon.
- 11.30 SIARAN TAMAT.



PEMANDANGAN lucu dari Tayangan gambar Selasa depan: TEAHOUSE OF THE AUGUST MOON.

MUZIK — MUZIK — MUZIK

JIKA saudara benar2 sa-orang bangsa Melayu, Radio meminta saudara menyebutkan sa-buah lagu Melayu. Itu senang, tidak sukar bukan? Tetapi benar-kah senang?

Pak Zubir Said, sa-orang pemuzik Melayu yang terkenal malah boleh di-katakan 'pakar' musik lagu Melayu berkata lagu Mas Merah berunsor China. Lagu Laila Manja yang berirama gambus dan zapin itu berunsor Arab. Lagu Burung Putih berunsor Jawa. Dan beberapa buah lagu joget dan keroncong berunsor Portugis. Beberapa buah lagu2 Melayu yang lain, berirama cha-cha, rumba, samba, begini, rock. Jika tadi saudara mengatakan terlalu mudah menyebut sebuah lagu Melayu itu, chuba-lah beriklan segera.

Menyebut tentang lagu-

lagu Melayu ini teringat kita kepada keadaan masyarakat tiga puluh tahun dulu. Ketika itu mudamudi-mudi mabok dengan Nurul-Huda, Laila Murad dan bintang-bintang filem Mesir lain-nya. Ketika itu orang lebih kenal nama Mohammad Abdul Wahab daripada nama datok-nya sendiri. Panggong2 wayang bagaikan roboh di-serbu anak2 muda membeli tiket. Akibat-nya lagu-lagu Melayu pun diserang oleh unsur-unsur Arab, Ya 'Aini Ya Habibi, Ya Ruhi.

Kemudian berlaku pula satu perubahan rasa pada 20 tahun dulu. Orang2 Melayu mabok Raj Kapur, Madhubala dan banyak lagi bintang2 filem Hindustan. Dan anak-anak muda ketika itu lebih meminati Dev Anand daripada Tengku Abdul Rahman. Akhir-nya lagu Me-

layu pun berunsor Muhabbat Ka Dunia He.

Perkembangan yang terbaru ia-lah lagu2 Melayu berenang pula dalam lautan POP. Bagaimana bunyi gitar di-London atau di-New York begitu juga bunyi-nya di-negeri2 Melayu. Bukan sahaja setakat bunyi gitar-nya, tetapi juga potongan rambut dan potongan seluar-nya.

Apa kata Pak Zubir dalam hal ini? Soal-nya orang Melayu di-mana sahaja tidak mempunyai Muzik Institute atau Bengkel Muzik yang dapat menentukan yang mana Melayu yang mana China yang mana Arab. Kerana itu berlaku-lah perkembangan liar mengikut naluri masing2. Dan yang pelek-nya orang Melayu dapat menerima unsur2 ini. Barangkali sama-lah dengan penerimaan nikai dan kupiah

puteh dalam kehidupan orang2 Melayu. Ada-kah kita akan menerima sebagai Melayu, sa-orang anak China yang di-pakaikan dengan baju kebaya dan kain batek serta berselindang, atau ada-kah dinamakan Melayu sa-orang Melayu yang hidup-nya tidak mengikut adat resam Melayu, apa-kah Melayu itu, bagaimana-kah rupanya Melayu itu?

RAMPASARI

RANCHANGAN Rampaisari yang di-siarkan sa-tiap hari Sabtu dari jam 10.30 hingga 11.30 pagi terus memuatkan kandungan-nya dengan berbagai bahan petikan, renchana2 panduan di-samping menyelitkan juga kegiatan2 wanita di-sana sini, di-tanah ayer dan luar negeri, pada itu juga Rampaisari yang kini hampir memasuki usia-nya sa-tahun telah mendapat perhatian dari peminat2-nya yang mana banyak mengirinkan bahan2 serta menyertakan masalah yang di-alamai. Melalui ranchangan ini ranchangan Rampaisari chuba menolong dan membantu peminat2-nya khas-nya wanita2 kita dalam kegiatan2 harian mereka.

Dalam keluaran-nya minggu depan akan memuatkan pula perbualan wakil rampaisari dengan salah sa-orang wanita kita yang giat berkecimpung dalam bidang tenunan.

Dalam gambar menunjukkan Dayang Salmah Abdul Rahman dengan Dayang Hajjah Zaiton Omar di-satu pertemuan di-Kampung Sungai Kedayan.



Ranchangan Tiga Minit

RTB akan menerbitkan sebuah ranchangan kuiz tempatan, khas untuk beliau2 dan beliawanis tanah air yang menjadi ahli kapada persatuan2, badan2 kebajikan, kelab2 atau perkumpulan yang di-sahkan oleh kerajaan. Kuiz tersebut di-beri tajuk '3 MINIT' yang memuatkan beberapa soalan yang meliputi kejadian sehari2, mengenali jenis2 pekerjaan sa-seorang dan pengetahuan am.

Dalam Pusingan Pertama ranchangan ini dua soalan yang merupakan objek akan di-peruntukkan kapada setiap pasokan dan setiap objek yang di-kemukakan kapada peserta akan di-iringi oleh satu pembayang (Clue) yang bertujuan untuk memberi kemudahan kapada setiap pasokan untuk menyoal dan memberikan gambaran kapada satu2 objek. Pusingan kedua, khusus untuk mengenali pekerjaan sa-seorang menerusi Clue yang di-pertunjukkan di-depan peserta. Pusingan ketiga mengandungi satu soalan chabutan dari lima keping kad soalan Pengetahuan Am yang di-pileh oleh setiap

pasokan.

Selain dari hadiah wang tunai yang di-padankan dari jumlah markah; ranchangan ini juga akan menyediakan 'Hadiah Kecekapan' sa-banyak \$150.00 pada tiap2 minggu yang mungkin meningkat jumlah-nya dari semasa ka-semasa.

Sertai-lah ranchangan ini dengan menghantarkan nama penoh tiga orang pe-

serta samada lelaki atau wanita atau pun kedua-nya sekali, nama pasokan dan alamat yang mudah di-hubongi, termasuk nombor talipon jika ada.

Semua permohonan untuk menyertai ranchangan ini hendak-lah di-tujukan kapada Penerbit Ranchangan 3 Minit, Bahagian Penerbitan Radio Talivishen Brunei, tidak lewat 31hb. Mach, 1982.

"PENASARAN CHINTA" oleh: Hamido Ramanto

PENASARAN CHINTA begitu-lah tajok sandiwara radio minggu ini yang di-hasilkan oleh Hamido Ramanto Brunei.

Ada orang perchaya yang chinta itu memerlukan pengorbanan. Dan watak Wati dan Budi ke-kasih-nya terpaksa berkorban demi untuk memenuhi hasrat ibu Wati yang menginginkan-nya untuk berkahwin dengan Jamil sepupu-nya sendiri yang berpelajaran dan berjawatan tinggi.

Hasrat ibu Wati pun ditunaikan. Sejak menjadi

isteri Jamil, Wati tidak pernah merasa bahagia. Jamil jarang2 berada di-rumah dengan alasan dia menghadhiri mashuarat, sedangkan sebalik-nya ia berpoya2 dengan Lena.

Lena yang telah berbadan dua itu datang mengadu nasib kapada Wati. Kerana itu Wati menasehatkan Jamil supaya menikahi Lena.

Wati mengambil keputusan sendiri dan meninggalkan Jamil dan kembali ka-rumah ibu-nya. Barulah ibu-nya insaf yang ke-

mewahan tidak boleh menjamin kebahagiaan.

Satu hari, ketika pulang dari pekan, Wati bertemu dengan Budi. Apa-kah reaksi kedua2 mereka ini sa-telah sekian lama tidak bertemu? Ada-kah hati Budi maseh saperti dulu, sebagaimana yang pernah di-ikrarkan-nya pada Wati? Untuk penyelesaian-nya, sila-lah awda pendengar mengikuti siaran-nya pada 14hb. Februari, 1982 jam 10.30 pagi.

Sandiwara radio minggu ini akan di-terbitkan oleh Zainab Haji Mohd. Taha.



Bintang Kechil Radio 1982 bermula

PERTANDINGAN Bintang Kechil Radio, 82 akan bermula pertengahan bulan Februari 1982. Pertandingan ini ia-lah bagi peringkat awal untuk pemilihan ka-peringkat separoh akhir. Untuk pengetahuan peserta2 yang menyertai pertandingan ini,

di-bawah ini di-sertakan jadual dan tempat2 pertandingan.

Daerah Brunei-Muara pada hari Jumaat dan Ahad, 12hb dan 14hb. Februari 1982 bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang, bertempat di-studio

A Radio Talivishen Brunei. Daerah Belait pada hari Ahad, 21hb. Februari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Daerah Tutong pada hari Ahad, 28hb. Februari 1982 jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan Daerah Temburong pada hari Ahad, 7hb.

March 1982 jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Peserta2 di-kehendaki datang ka-tempat2 yang disebutkan sebelum waktu pertandingan di-jalankan. Peserta2 yang tidak hadir pada tarikh2 yang disebutkan di-kira menarik diri dari masuk bertanding.

Irama Dakwah

Pernah di-katakan orang, pernah sana yang dapat menggamit hati haji, hati akan melonjak2 inggit di-tempoh, ketika saat-nya tiba akan membuatkan orang begitu belum itu dia menjauhkan diri dari pencipta-nya dengan bertawakul. Orang akan sadar tentang hakikat hidup dan kehidupan chuma sa-kubit usaha untuk melahirkan suasana ka-arrah itu.

Perserahan Kumpulan Badan Agama Pembentuk Akhlak dengan iringan Badan Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka malam.



KURSUS PERDAGANGAN AKAN DI-ADAKAN DI-PUSAT LATEHAN

SERIA. — Pihak Kerajaan dan Sharikat Minyak Shell Brunei memperkenalkan kursus2 Business Education Council (BEC) di-Pusat Latehan Teknikal BSP dan di-Pusat Latehan Teknikal Brunei di-Jalan Muara.

Kursus ini akan ditawarkan dalam dua peringkat ia-itu; anugerah Peringkat Am dan anugerah Peringkat Kebangsaan.

Kursus Peringkat Am adalah sa-bandung dengan pelajaran akademik peringkat 'O' dan dengan ada-nya kelulusan di-Peringkat Am ini nanti akan melayakkan penuntut2 untuk mengambil anugerah Peringkat Kebangsaan, ia-itu pelajaran yang sa-bandung dengan akademik peringkat 'A'.

Sa-bagaimana yang difahamkan bahawa kursus anugerah Peringkat Am ini di-ranchangkan akan di-mulakan pada bulan September di-tahun ini bertempat di-BSP dan di-Pusat Latehan Teknikal Brunei. Manakala anugerah Peringkat Kebangsaan pula di-ranchang akan di-mulakan pada bulan September tahun depan.

Ada pun tujuan utama kursus2 tersebut di-adakan ia-lah untuk memberikan peluang kepada anak2 Brunei dalam mempelajari mata2 pelajaran per-

niagaan dan perdagangan di-negeri ini bagi mendapatkan satu kelulusan yang di-iktiraf. Sementara itu penuntut2 yang mencehapi kejayaan yang cemerlang di-Peringkat Kebangsaan nanti akan dipertimbangkan untuk diberi biasiswa ka-kursus2 ikhtisas (profesen) seperti juru kira dan sa-bagai-nya di-United Kingdom.

Langkah pertama untuk menuju kepada tujuan tersebut, pihak BSP telah membekalkan lebih kurang 150 buah buku2 yang berkaitan dengan pengajian2 perniagaan kepada PLTB agar pusat tersebut akan dapat menubuhkan sa-buah Khutubkhanah sumber sebagaimana yang diperlukan oleh Business Education Council.

Di-serahkan

SA-BANYAK 15 yunit lagi rumah2 pangsa tiga bilek bagi SSS di-kawasan F19 telah pun di-serahkan kepada PCS (Jabatan Perkhidmatan2 Perumahan).

Sa-takat ini 72 yunit telah pun di-serahkan kepada PCS dengan 42 yunit lagi di-jangka akan siap dan akan di-serahkan kepada jabatan tersebut dalam bulan2 Mach dan April.

Rekod keselamatan bekerja

SERIA. — Sharikat Shell Brunei, sekali lagi mencehapi satu rekod keselamatan yang cemerlang dalam tahun 1981, apabila sa-buah pemborong Brunei Shell, Geodetic and Construction Survey Limited telah menjalankan kerja sa-lama 336,820 jam tenaga kerja manusia tanpa kehilangan masa kerja kerana kemalangan.

Pemborong yang mempunyai kira2 100 orang kakitangan ini telah



Rig penggalian 'Harvey H. Word' yang akan memulakan kerja2 penggalian di-perayeran Brunei.

Rig Penggalian yang baru

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei baru2 ini telah menerima sa-buah rig penggalian "the

cantilever jack-up" Harvey H. Ward.

Rig tersebut ada-lah sa-bagai pengganti rig Chris Segar, yang mana rig ini di-bena untuk Reading and Bates oleh Far East Livingston dari Singapura. Rig tersebut mempunyai kemudahan2 seperti tempat tinggal berhawa dingin untuk 87 orang dan sa-buah helideck untuk menempatkan helikopter S61.

Rig ini juga sesuai untuk menjalankan operasi di-kedalaman air di-antara 15 kaki hingga 337 kaki dan hanya boleh digunakan untuk telaga2 baru yang mempunyai masa beranggar dan sa-lain dari itu ia-nya juga digunakan untuk penggalian eksplorasi dan perkembangan.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama-sama dengan harga2 runchit yang di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai seperti berikut :—

JENIS BARANG	HARGA RUNCHIT	JENIS BARANG	HARGA RUNCHIT
1. SUSU TEPONG DUMEX :—		Standard 1 x 288's	\$ 1.10
Dumex Baby Food :—		Large 1 x 216's	\$ 1.50
48 x 250 g.	\$ 2.15	Family 1 x 72's	\$ 2.65
24 x 500 g.	\$ 3.80	Economy 1 x 72's	\$ 3.10
12 x 1 kg.	\$ 7.05		
6 x 2 kg.	\$ 13.45	7. SHAMPOO KELUARGA COLGATE:—	
Dumex Full Cream Milk Powder :—		60 ml — 1 x 12's	\$ 1.20
48 x 250 g.	\$ 1.85	120 ml — 1 x 12's	\$ 1.95
24 x 500 g.	\$ 3.40	200 ml — 1 x 12's	\$ 2.60
12 x 1 kg.	\$ 6.45	350 ml — 1 x 12's	\$ 4.05
6 x 2 kg.	\$ 12.10	8. AJI-NO-MOTO :—	
Dumex Instant Full Cream Milk Powder :—		135 g x 30 pkt x 10 boxes	\$ 0.45
24 x 500 g.	\$ 4.25	72 g x 15 pkt x 10 boxes	\$ 0.90
12 x 1 kg.	\$ 8.05	150 g x 8 pkt x 10 boxes	\$ 1.70
6 x 2 kg.	\$ 14.90	300 g x 5 pkt x 8 boxes	\$ 3.20
2. MAMEX INFANT FORMULA :—		2000 g x 6 boxes	\$ 18.80
24 x 800 gm.	\$ 8.10	9. MAGGI NOODLES :—	
12 x 1 kg.	\$ 15.15	180 x 85 g.	\$ 0.45
3. SUSU TEPONG S 26 :—		10. BRISTOL MYERS PRODUCT :—	
500 gm	\$ 8.50	Aja 50(s)	\$ 1.50
1 kg.	\$ 15.50	Ammens 150 gm.	\$ 2.50
4. SUSU TEPONG SMA :—		Ammens 310 gm.	\$ 3.90
1 kg.	\$ 15.00	Ches (Del) 230 ml.	\$ 5.15
5. SUSU TEPONG NAN :—		Ches (Sachets) 10 ml.	\$ 0.60
500 gm.	\$ 7.40	Fostex Liquid 157 ml.	\$ 6.90
1 kg.	\$ 13.75	Fostex Liquid 57 ml.	\$ 3.30
6. UBAT GIGI COLGATE :—		Fostril Cream 20 gm.	\$ 3.30
Medium 1 x 576's	\$ 0.60	Fostril Cream 6 gm.	\$ 1.90
		Sustagen Choc (Imp) 500 gm.	\$ 10.50
		Sustagen Choc (Imp) 1 kg.	\$ 18.00
		Sustagen Van (Imp) 500 gm.	\$ 10.30
		Sustagen Van (Imp) 1kg.	\$ 17.30

Orang ramai ada-lah di-harapkan memberikan kerjasama atau melaporkan kepada pihak yang berkenaan talipon 25555 Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebutkan di-atas atau segala jenis barang2 keperluan yang lain bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 10hb. hingga 16hb. Februari, 1982

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	10.2.1982	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	10.2.1982	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	10.2.1982	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	13.2.1982	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	13.2.1982	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	13.2.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	13.2.1982	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	13.2.1982	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	13.2.1982	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	15.2.1982	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	15.2.1982	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	16.2.1982	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	16.2.1982	Selasa	10.30-11.30 "

PASOKAN ISTANA

KEJOHANAN Polo Antarabangsa Bahagian Low Goal telah berakhir pada hari Ahad dengan dua perlawanan sachara persahabatan. Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bertemu dengan pasokan Kelab Polo Diraja Johor sementara pasokan champion pemain2 Malaysia dan Singapura menentang pasokan Brunei.


Kejohanan sa-lama empat hari itu di-menangi oleh Pasokan Istana yang diketuai oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan berjaya merebut Piala Presiden.

Dalam perlawanan akhir itu pasokan Istana mengalahkan Pasokan Jerudong Park, johan tahun lalu dengan jaringan 10 gol berbalas 5.

Lapan buah pasokan termasuk empat dari luar negeri telah menyertai kejohanan kali yang kelima itu.

Kesemua perlawanan2 dalam kejohanan tersebut diadakan di-Jerudong Park.

Kejohanan Polo Antarabangsa kali kelima Bahagian High Goal akan di-mulakan pada hari Isnin 22hb Februari di-tempat yang sama. Lima buah pasokan akan bertanding dalam kejohanan sa-lama enam hari itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei (atas), YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah yang menganggotai pasokan Istana (bawah).
Lain2 gambar di-ruangan ini menunjukkan suasana ketika perlawanan2 di-jalankan di-Jerudong Park.



KE
Di
Sel
din
pol

JARA KEJOHANAN POLO (LOW GOAL)



DYMM Almutawalallah Sultan Iskandar Al-Haj, Sultan Johor menganugerahkan Piala Presiden dan Piala Brunei kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Majlis Penyampaian Hadiah di-Jerudong Park pada malam Isnin lalu.



AV Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
rtu Negeri Brunei; DYMM Almutawalallah, Sultan Iskandar Al-Haj,
n DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifud-
dairi Waddin bergambar ramai beserta dengan peserta2 kejohanan
andaga bahagian low goal di-akhir perlawanan.



Untuk melahirkan ahli2 soka yang berpotensi

SKIM LATEHAN SOKA SISTEMATIK AKAN DI-ADAKAN

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Jabatan Ke-
bajikan Belia dan Soka akan
menganjurkan beberapa
acara soka untuk belia2
ia-itu Kejohanan Renang
Kumpulan Umor, Skim
Latehan Badminton,
Perlawanan Bolasepak 16
tahun Kebawah Antara
Mukim2 di-seluruh negeri
dan Kejohanan Soka An-
tara Jabatan2 Kerajaan
dan Firma2 seluruh negeri.

Dalam acara ke-
johanan renang kumpulan
umur ia-nya di-
persyaratkan kepada
kanak2 dan belia2 dari
sekolah2 dan maktab2,
persatuan2, kelab2 belia
dan soka dan perse-
orangan manakala ling-

kongan umur akan di-kira
pada tarikh perlumbaan
(di-peringkat akhir).

Acharya2 yang akan di-
pertandingkan akan di-
bahagikan kepada kum-
polan umur ia-itu dari
enam tahun hingga 8
tahun; 8 tahun hingga 10
tahun; 10 tahun hingga 12
tahun; 12 tahun hingga 14
tahun; 14 tahun hingga 16
tahun dan 16 tahun hingga
18 tahun.

Pemilihan akan di-
adakan bagi peserta2 pada
hari Ahad 14hb. Mach '82
jam 9.00 pagi bertempat
di-Kolam Renang Ang-
gerek Desa manakala
tarikh dan masa bagi
peringkat akhir akan di-
umomkan di-hari pe-
milihan dan melalui RTB.

Borang penyertaan yang
telah di-isikan hendak-lah
di-kembalikan tidak lewat
dari 28hb. Februari
depan.

Dalam skim latehan
badminton, ia-nya mem-
punyai lima tujuan asas
yang penting yang mana
antara lain bertujuan un-
tuk memberikan peluang
kepada semua golongan
belia yang berminat dan
berbakat bagi mengikuti
latehan yang sistematik
dan juga pada melahirkan
pemain2 belia yang
berkebolehan, cekap dan
chergas dan mempunyai
permainan yang tinggi
mutu-nya.

Dalam pada itu juga ia-
nya bertujuan untuk me-
ninggikan mutu per-
mainan badminton di-
negeri ini, membantu Per-
satuan Badminton
Kebangsaan dalam men-
chari bakat2 yang ber-
potensi dan skim ini juga
ada-lah 'follow up' projek
jabatan ini dalam mengan-
jurkan kejohanan badmin-
ton belia.

Oleh: Manaf H.A.R.

Skim ini hanya di-
bukkan kepada
warganegara Brunei yang
berumur antara 12 tahun
hingga 20 tahun pada 1hb.
Januari dan skim ini akan
di-adakan pada sa-tiap
tahun dan perlu di-
ingatkan kepada para
peserta ia-itu hanya peser-
ta2 yang mendapat sijil
kepujian pada peringkat
permulaan yang akan di-
benarkan untuk mengikuti
latehan lanjutan yang
berkemungkinan akan di-
kendalikan oleh jurulatih
dari luar negeri.

Tarikh tutup bagi
menyertai skim latehan ini
ia-lah pada 21hb. Februari
'82.

Manakala dalam kejohanan
olahraga terbuka antara jabatan2
kerajaan dan firma2 ia-nya an-
tara lain bertujuan un-
tuk memberikan peluang
kepada pegawai2 dan kakitangan
jabatan2 kerajaan dan firma2
dari semua peringkat agar
bergiat chergas dalam apa jua
jenis soka khas-nya soka
olahraga dan juga pada me-
nchungkil bakat2 yang telah sedia
ada pada pegawai2 dan
kakitangan yang mana sa-
bilangannya terdiri dari belia2
dan ini juga merupakan projek
tahunan jabatan tersebut dalam
memberikan galakan dan
peluang dan dalam membantu
usaha Persatuan Soka Amatir
Negeri Brunei pada melahirkan
bakat2 yang berpotensi.

Dalam kejohanan ini peserta2
yang ingin menyertai hendak-lah
berkhidmat dengan mana2
jabatan2 dan firma2 sama
ada bergaji hari atau bulan. Tetapi
pasokan Pulis Diraja dan Askar
Melayu Diraja Brunei akan di-
kecualikan tetapi mereka di-
undang untuk mengambil
bahagian dalam acara lari
berganti-ganti 4 x 100 meter dan
4 x 400 meter laki2 dan perem-
puan.

Pasokan2 ini juga di-bolehkan
untuk mengambil bahagian
dalam acara khas untuk ketua2,
timbangan2, dan penolong2
jabatan dan pengurus2 firma dan
dalam acara bagi peserta2 lelaki
40 tahun keatas.

Antara acara yang akan di-
pertandingkan dalam kejohanan
ini termasuk-lah acara2 trek
perseorangan dan berpasokan,
acara2 padang, 200 meter, 400
meter. Buang peluru dan lompat
jauh bagi ketua2, penolong2
ketua jabatan dan pengurus2 fir-
ma serta bagi peserta2 40 tahun
keatas ia-lah 4 x 400 meter relay
dan buang peluru.

Sementara tujuan2 bagi
mengadakan liga bolasepak pula
ia-lah untuk menanamkan minat
permainan bolasepak di-
kalangan belia2, menchungkil
bakat2 di-kalangan belia2 dan sa-
bagai perangsang kepada belia2
menampilkan diri mereka dan
seterus-nya merasa bangga
terhadap mukim2 yang mereka
wakili di-samping berkumpul
beramai-ramai untuk me-
jalinkan semangat persahabatan
dan kesokanan.

Hanya pemain2 yang berumur
16 tahun pada 1hb. Januari saja
yang akan di-benarkan menyertai
dan ia-nya ada-lah di-bukkan
ka-mukim2 seluruh negeri dan
tiap2 mukim hanya di-benarkan
mengantar satu pasokan saja
yang mengandungi 22 orang pe-
main, sa-orang pengurus dan
jurulatih.

Tarikh terakhir untuk
mengantar borang ia-lah pada
27hb. Februari '82.

Kesemua acara2 yang akan
di-adakan itu tidak di-kenakan
apa2 bayaran dan mereka yang
berminat untuk menyertai ia-
boleh-lah mendapatkan borang2
penyertaan serta keterangan lan-
jut mengenai-nya dari Jabatan
Kebajikan, Belia dan Soka atau
pun chawangan2-nya di-seluruh
negeri atau di-Pusat Belia, Ban-
dar Seri Begawan pada bila2
masa pejabat di-buka.

Saham bas PERKA

BERAKAS. — Penyertaan
bagi memasoki saham bas
sekolah Persatuan
PERKA, Kg. Perpindahan
Berakas ini di-buka semula
dan di-lanjutkan tarikh
penutup-nya sa-hingga
28hb. Februari '82 depan.

Saham tersebut ada-lah
terbuka khusus-nya untuk
penduduk2 Kampong Per-
pindahan ia-itu bahagian2
Jaya Bakti, Jaya Setia dan
Berakas Estate.

Dalam pada itu ia-nya
juga di-bolehkan untuk di-
bukkan kepada orang
ramai.

Borang2 saham bas
PERKA serta keterangan
lanjutan berkenaan dengan
perjalanan saham dan
peraturan2 serta sharat2
memasoki-nya boleh di-
dapati dari nama2 berikut:

Awang Mohammad bin
Rahim, Bahagian
Kenderaan, Jabatan Pela-
jaran; Ak Mohd Yusof bin
Pg Bakar di-Radio dan
Talivishen dan Awang
Abd. Manaf bin Hj Abd
Rahman, di-bahagian
Penerangan Jabatan Setia-
usaha Kerajaan.



Pupok unso2 kesenian Brunei di-kalangan jenerasi muda

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Ada-lah menjadi
tanggung-jawab kita sa-
bagai orang2 Brunei untuk
menanamkan dan
memupok unso2 kesenian
Brunei yang tulin di-
kalangan jenerasi2 muda
agar kesenian itu tidak
akan hilang di-makan oleh
zaman yang serba moden
ini.

Unso2 kesenian Brune
ini patut-lah kita pupok
dan semai supaya dengat
itu nanti, kesenian2 kita
yang asli itu tidak akan
berchampur adok dengan
lain2 unso kesenian khas-
nya di-zaman moden ini.

Demikian telah di-
tegaskan oleh Pengarah
Kebajikan Belia dan
Soka, YB Pehin Jawatan
Luar Pekerma Raja Dato
Setia Awang Haji Hussain
ketika berucap sa-jurus
sa-belum merasmikan Per-
tunjukan Malam Amal
Seni Budaya anjoran
Jabatan Kerja Raya yang
di-langsungkan di-Dewan
Pusat Belia di-sini baru2
ini.

"Dan di-mana yang
belum kita ketahui akan
dapat di-gali dan di-
bongkar semula supaya ia-
nya akan menjadi satu
kesenian kita yang akan
kekai kita warisi hingga ka-
abad yang akan datang",
ujar Yang Berhormat.

Ini, menurut Yang
Berhormat, meman-
dangkan yang negara kita
Brunei sememang-nya
kaya dengan kesenian asli-
nya yang tulin jika di-
tinjau dari sudut sejarah
negeri ini.

HASRAT SEHAT

Menyentuh mengenai
dengan pertunjukan
Malam Amal itu, Yang
Berhormat itu

mengucapkan terima
kaseh di-atas usaha yang
di-buat oleh Jabatan Kerja
Raya di-mana menurut-
nya, pertunjukan sa-
umpama itu ada-lah
merupakan satu hasrat
yang sehat lebeh2 lagi ia-
nya di-adakan bertujuan
pada mengutip derma
Orang2 Chachat di-negeri
ini.

"Saya bershukor kerana
banyak orang ramai yang
ikut serta memikirkan
masa depan mereka ini
dengan memberi sum-
bangan2 derma yang
berbagai-bagai bentuk
demi menchurahkan sem-
pati mereka masing2,"
tambah Yang Berhormat
itu.

Menurut-nya lagi, dengan
memberikan sumbangan2 ter-
sebut dengan sendiri-nya kita
telah memenohi hasrat sa-bagai
sa-orang yang berper-
kemanusiaan dan bertanggung-
jawab dengan menggunakan
peluang yang ada pada kita
dewasa ini.

PERSEMBAHAN

Berbagai-bagai acara telah
di-adakan pada malam itu
antara-nya termasuk-lah per-
aduan nyanyian yang khas
bagi kakitangan JKR serta persem-
bahan2 nyanyian dari artis2 un-
dangan dalam negeri dan
persembahan tarian.

Hadiah2 untuk pertandingan
nyanyian itu di-sumbangkan oleh
sa-orang peniaga tempatan,
Awang Bawai bin Munjil,
pengurus Sharikat Bawai Enter-
prise.

Yang Berhormat Pengiran
Ismael bin Pengiran Haji Damit,
Pengarah Kerja Raya telah
menyampaikan hadiah2 kepada
pemenang peraduan di-akhir per-
tunjukan pada malam itu.

PAPP anjor perlawanan Ping Pong

BANDAR SERI BEGAWAN. —
Persatuan Angkatan Pemuda
Pemudi Kampong Sultan Lama
(PAPP) akan menganjurkan
Perlawanan Ping Pong Terbuka
sa-negeri kali ke-2 bagi peserta
lelaki, yang akan di-langsungkan
pada 7hb Mach depan di-Pusat
Belia di-sini.

Perlawanan itu ada-lah
merupakan projek tahunan per-
satuan kampong tersebut dan
akan di-bahagikan kepada tiga
bahagian, ia-itu perseorangan,
bergu dan berkumpulan.

Borang2 permohonan bagi
menyertai perlawanan itu boleh-
lah di-perolehi dari sekarang,
melalui kedai di-rumah Persa-
tuan PAPP, Che'gu Zaimal bin
Hussain di-Sekolah Menengah
Melayu Sultan Muhammad
Jamilul Alam di-ibu negeri,
Awang Suhaili bin Sami di-
Jabatan Letrik, dan Awang
Damit bin Haji Abd Rahman di-
Lapangan Terbang Penerbangan
Diraja Brunei.

Borang2 yang telah di-di-
hendak-lah di-kembalikan tidak
lewat dari 26hb Februari ini, jam
4.00 petang.

Bahagian Ayer juara tarek kalat

JALAN BERAKAS. — Dua
pasokan dari Bahagian ayer,
telah munchol sa-bagai juara
perlawanan akhir tarek kalat an-
tara bahagian2 Jabatan Kerja
Raya dalam bahagian 'A' 150
paun kebawah dan bahagian 'B'
150 paun ka-atas yang telah di-
langsungkan pada 15hb Januari
lalu di-Kompleks Soka jabatan
tersebut di-sini.

Dalam perlawanan akhir yang
di-adakan itu, Pasokan Ayer 'A'
telah berjaya menewaskan
Pasokan Seri Indera 'A' semen-
tara Pasokan Ayer 'B' telah
mengalahkan Pasokan Bajaya 'B'.

Dengan kemenangan ini,
Pasokan Ayer 'A' dan 'B' telah
berjaya merebut piala yang di-
sumbangkan oleh Jawatankuasa
Pesta Soka 1981/1982. Semen-
tara piala rebutan naib-johan
telah di-sumbangkan oleh
Pemangku Penolong Pengarah
Kerja Raya, Awang Ong Kai
Hock.

Tempat ketiga dalam bahagian
'A' telah di-menangi oleh
Pasokan Furniture 'A' dan dalam
bahagian 'B' perlawanan tersebut
telah di-menangi oleh Pasokan
Pool Transport 'B'.

Sa-banyak 12 buah pasokan
yang mewakili bahagian2 di-
Jabatan Kerja Raya telah menyer-
tai perlawanan itu, dan ia-nya
ada-lah salah satu dari acara
Pesta Soka JKR.

Hadiah kepada pemenang2
telah di-sampaikan oleh Tim-
balan Pengarah Kerja Raya,
Awang Zakaria bin Dato Paduka
Haji Nordin.



Pasokan Bahagian Ayer 'A' dan 'B' bergambar beramai bersama piala kemenangan sa-telah menjadi
juara dalam perlawanan akhir tarek kalat pada hari itu.

Gegaran Sa-Musim"



gambar ini, Dayang Fatimah dari Dewan Bahasa dan Pustaka, sedang berada di-Studio menyampaikan ranchangan 'Sa-Musim'.

'Gegaran Sa-Musim' akan di-ruangkan 'Sastera Tanah Ayer' lagi ranchangan baru Bahagian Radio Brunei yang akan pada bulan ini.

'Sa-Musim' ada-lah sa-buah sasteraan yang telah di-terbitkan bentuk sa-buah novel, hasil Mohd Salleh bin Abdul Latif ini di-terbitkan oleh Dewan Pustaka, Brunei.

mengetahui isi cerita yang dalam novel ini, peminat2 tanah ayer ada-lah di-persilakan ke ruangan ini yang akan mengandungi novel tersebut bab ka-satu bab yang lain.

ruangan Sastera Tanah Ayer di-ikuti pada tiap2 hari 5.45 petang dan siaran ulang-hari Selasa jam 5.15 petang.



akan meningkat bilamana terdapat suaka. Ketika menghantar atau menyambut jemaah dari diri kepada Allah. Kematian yang pasti terhadap Allah, walau pun sa-saat sa-sa dan larangan Allah.

Melayu Paduka Seri Begawan/Sekolah Sains sinton pada 12hb Februari 1982 jam 8.30



DARI kiri Connie Selleca sa-bagai Pam Davidhon, William Katt sa-bagai Ralph Hinkley dan Robert Culp sa-bagai Bill Maxwell yang dapat awda saksikan dalam siri The Greatest American Hero.

RESIPI MINGGU INI TOMATO KEBAB KAMBING

Bahan2-nya :

- 1 lb daging kambing (di-chinchang halus)
- 1 biji telur ayam
- 1 bawang besar
- 1 tin kechil kacang peas
- 1 biji bawang hiris dan tumis
- 1/2 sudu makan, lada puteh
- 4 biji lada merah
- 3 ikat daun bawang ambil puteh saja
- 1 tin tomato puri
- 2 1/2 chawan ayer
- 1/2 chawan minyak
- 2 sudu makan minyak sapi
- 4 biji tomato kechil
- 4 batang lobak merah

Rempah2 untuk di-giling :

- 12 biji bawang merah
- 4 biji bawang puteh
- 1/2 sudu makan jintan halus
- 3 hiris halia muda
- 1 sudu rempah kari
- 2 sudu makan serbok buah badam

Rempah2 untuk di-tumis :

- 8 biji bunga chengkeh
- 8 biji buah pelaga
- 1 batang kayu manis
- 2 kuntum bunga lawang
- 1/2 biji buah pala

Peratoran2-nya :

Panaskan periok, masukkan minyak kelapa dan minyak sapi, bila sudah panas masukkan bawang hiris, chengkeh, bunga lawang dan kayu manis. Bila sudah kuning masukkan rempah giling, kachau, bila sudah wangi masukkan tomato dan garam. Kemudian tutup bila sudah mendidih masukkan daging yang di-goreng tadi. Kemudian tutup dan masukkan bawang, tutup, akhir sekali masukkan tomato, lada hijau, lada merah, kacang peas, daun bawang dan bawang puteh. Tutup sekejap kemudian angkat dan hidang.

Apa Pendapat Awda

Tajok MUHIBBAH DAN HUBONGAN-NYA DALAM BERMASHARAKAT telah pun di-kemukakan dalam ranchangan Apa Pendapat Awda keluaran 5hb. Februari, 1982. Dan sa-telah di-hakimkan di-dapati pendapat yang di-kemukakan oleh Dayang Siti Hapsah binte Hj. Yakop yang ber-alamat Kg. Pancha Delima, Berakas, Brunei telah mendapat tempat yang pertama.

Untuk keluaran sa-terusnya yang akan di-siarkan pada 19hb. Februari, 1982, Apa Pendapat Awda akan mengemukakan tajok APA-KAH CHARA2 UNTUK MENINGKATKAN MUTU PERMAINAN BOLASEPAK DI-TANAH AYER. Banyak per-kataan awda hendak-lah mengandungi kira2 150 perkataan.

Hantar-lah pendapat awda kepada: Penerbit Ranchangan Apa Pendapat Awda, Bahagian Melayu, Radio Talivishen Brunei, tidak lewat pada 16hb. Februari, 1982 hari Selasa, jam 4.30 petang.

Berikut ia-lah pendapat Dayang Siti Hapsah binte Haji Yakop yang memenangi hadiah pertama mengenai tajok MUHIBBAH DAN HUBONGAN-NYA DALAM BERMASHARAKAT.

Muhibbah boleh-lah kita simpulkan sebagai rasa kechintaan yang saling bersefahaman, berbaik-baik, hormat-menghormati atau galat-menggalati dan bersatu-padu bagi semua kaum yang menjadi ahli masyarakat bagi sebuah

negara. Dengan ketegasan ini akan lahir-lah masharakat yang sehat dari gejala2 perkauman.

Kita tidak dapat menaikan, kemajuan sa-sebuah negara ada-lah hasil penyertaan dari semua peringkat masharakat. Di-Brunei, masharakat kita terdiri dari berbagai2 kaum yang semua-nya boleh memainkan peranan untuk menggerakkan jentera pembangunan itu. Karah kehendak itu-lah peranan muhibbah memainkan peranan-nya yang penting dalam sama2 memahami dan penyatuan yang padu tanpa perpechahan.

Meski pun masharakat kita menganuti keperchayaan masing2 dan kebudayaan-nya sendiri namun tidak-lah menghalang untuk mengujudkan rasa muhibbah. Ini dapat di-yakinkan kerana setiap agama menganjurkan penganutnya berbuat baik dan perkara2 berkebaikan serta menghormati keperchayaan agama lain. Akan lebeh berkesan lagi dengan ujudnya satu kebudayaan nasional yang beranika-chorakkan chara hidup, anutan dan seni-budaya masing2 yang berlandaskan perasaan muhibbah.

Semua-nya ini hanya akan dapat di-ujudkan melalui rasa muhibbah dan tanpa-nya akan lahir-lah masharakat yang berkelompok2 yang berunsurkan perkauman dan membantutkan kemajuan yang di-ranchangkan yang di-perlukan oleh sa-sebuah negara yang sedang membangun seperti Brunei Darussalam ini.

RANCHANGAN TVP DARI 15HB. HINGGA 21HB. FEB.

ISNIN — 15HB FEB.

PAGI

- 8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 5 (My Kitchen)
Dalam ranchangan ini perkakas dapur di-ajarkan kepada murid2. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'e' juga di-ajarkan. Sa-buah cerita di-selitkan dalam ranchangan ini.

- 9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI (Daun)
Dalam ranchangan ini murid2 akan belajar mengenai dengan tugas2 daun terhadap tumbuhan.

- Daun mempunyai berbagai-bagai bentuk dan saiz. Tiap2 helai daun terdiri dari berbagai-bagai bahagian. Sungguh pun begitu tugas daun adalah sama ia-itu untuk memproses makanan.

- Ikuti-lah ranchangan ini untuk mengetahui buraihan yang lebeh lanjut.
- 10.30 KAP KAP UDANG 543.
